
**PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
DI DEWAN SRI PINANG, LEBUH LIGHT, PULAU PINANG**

KHAMIS, 15 Disember 2011

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir:

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi] - *Pengerusi*
YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]
YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]
YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]
YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]
YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan maaf]:

YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]
YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]

URUS SETIA

Encik Mohd Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha II (Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof [Pengerusi]
YBhg. Datuk Wira Haji Wan Ahmad bin Wan Omar [Timbalan Pengerusi]
YBhg. Dato' Haji Noordin Che Ngah [Timbalan Setiausaha (Pilihan Raya)]
Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha (Penyelidikan)]
Encik Ibrahim Saad [Setiausaha Bahagian (Penyelidikan)]
Cik Yusniati Ishak [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Pemilih)]
Encik Kamaruddin bin Haji Keling [Setiausaha Bahagian (Teknologi Maklumat dan Komunikasi)]
Encik Abdul Basit bin Mohd Nawawi [Penolong Setiausaha (PSM 1), Unit Pentadbiran Awam]
Encik Mohd Azizan bin Abdullah [Penolong Setiausaha (PR 2) Unit Penguatkuasaan]
Encik Hamzah Mohd Noor [Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya) 3]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)**Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia** (samb/-)

Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad [Pegawai Latihan (Akademi Pilihan Raya) 2]

Encik Morat bin Pora [Pengarah Pejabat Pilihan Raya Pulau Pinang]

Encik Mohd Faiz Syazwan bin Zainal Abidin [Timbalan Pengarah
(Pejabat Pilihan Raya Pulau Pinang)]

Puan Pazilah binti Omar [Ketua Pembantu Tadbir (Pejabat Pilihan Raya Pulau Pinang)]

Puan Nor Maizatul binti Ahmad [Pembantu Tadbir (Pejabat Pilihan Raya Pulau Pinang)]

Puan Rogayah binti Dahaman [Timbalan Pengarah (Pejabat Pilihan Raya Perlis)]

Parlimen Malaysia

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

Kementerian Dalam Negeri

Puan Siti Zauyah binti Osman [Setiausaha Bahagian (Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]

Puan Rafidah Datu Derin [Timbalan Setiausaha Bahagian
(Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]

Cik Zuriyah binti Dollah [Timbalan Setiausaha Bahagian (Parlimen dan Kabinet)]

Puan Nor Azilawati binti Mustapha [Penolong Setiausaha (PP)T1
Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan]

Puan Rosalinda binti Ma'al [Penolong Setiausaha (TT)T3
Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan]

Encik Mohd Fazli bin Mohd Haron [Penolong Setiausaha (UK)T Unit Komunikasi Korporat]

Encik Abdul Qadir Siddiq bin Ahmad [Pengarah Imigresen Negeri Pulau Pinang]

Puan Farahanun binti Zainal [Timbalan Penolong Pengarah Tanjung Gelang, Kuantan]

Encik Shukor bin Salleh [Pegawai Imigresen Tinggi Perlis]

Encik Muhd Fauzi bin Karim [Timbalan Penolong Pengarah Imigresen]

Encik Rahim bin Hanaffi [Penolong Pengarah Imigresen Kedah]

Puan Nur Azelawati binti Hashim [Pembantu Tadbir (PP)T1
Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan]

Cik Fariah binti Ibrahim [Pembantu Tadbir (PP)A2
Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan]

Jabatan Pendaftaran Negara

YBhg. Dato' Jariah binti Mohd Said [Ketua Pengarah]

Encik Md. Solehan Omar [Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]

Encik Zakaria bin Awi [Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi]

Encik Bakhtiar Effendy bin Khalid [Pengarah JPN Perlis]

YM Raja Azlal bin Raja Azman [Pengarah JPN Pulau Pinang]

Tuan Haji Muhammad Pauzi bin Haji Abdullah [Pengarah JPN Kedah]

Puan Noorhazlina binti Ishak [Penolong Pengarah JPN Pulau Pinang]

Puan Junaidah binti Jamil [Penolong Pengarah JPN Pulau Pinang]

Puan Laila binti Majid [Timbalan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat]

Puan Nik Nurashikin binti Nik Mansor [Timbalan Pengarah Bahagian Kewarganegaraan]

Encik Ruslan bin Alias [Penolong Pengarah Bahagian Kad Pengenalan]

Puan Mazni binti Bidin [Pegawai Khas KPPN]

Cik Zarifah binti Zulghaffar [Pegawai Undang-undang
(Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia)]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Puan Junipah binti Wandu [Timbalan Pengarah (Bahagian Pemeriksaan & Perundingan)]
Tuan Abdul Rahman bin Anor Basha [Ketua Penolong Pengarah Pulau Pinang]
Puan Hamidah binti Mohd Nadzri [Timbalan Pengarah]
Encik Mazery bin Mohd Zain [Penguasa]
Encik Jamaluddin bin Sarip [Penolong Kanan Penguasa]

Polis Diraja Malaysia

YBhg. SAC Dato' Abdul Malek Harun [Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Forensik Data Bank) Bukit Aman]
YBhg. SAC Dato' A. Rahman [Urus Setia Cawangan Khas]
SAC Hasanuddin bin Hassan [Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Perjawatan)]

Kementerian Pertahanan

Lt. Kol. Omar Daud [Penyelaras Parlimen]
Lt. Kol. Hamdan Yaacob [Pengurus]

Kementerian Luar Negeri

Encik Ahmad Fuad Mohd Norzin [Penolong Setiausaha]

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

Tuan Haji Zaharin Zainudin [Timbalan Setiausaha Bahagian]
Tuan Haji Abdul Rauf bin Jamalis [Ketua Penolong Pengarah]
Encik Fun Pon a/l Din Phrat [Pegawai Penerangan Daerah Timur Laut Pulau Pinang]
Encik Azrul bin Hasan [Jabatan Penerangan Pulau Pinang]
Encik Choo Kim Fuat [Pembantu Penerangan]

MIMOS

YBhg. Datuk Abdul Wahab bin Abdullah [Pengerusi]
Encik Ramesh Kumar Nadarajah [Ketua Penasihat Undang-undang]

SAKSI (PENDENGARAN AWAM)**Parti Keadilan Rakyat (PKR) Pulau Pinang**

YB. Tuan Sim Tze Sin [Yang Berhormat ADUN Pantai Jerjak]
Encik Zakaria bin Abdul Hamid
Encik Victor Seow Koo Teh
Encik Ong Hock Aun
Encik Ibnuataillah bin Hashim

Parti Sosialis Malaysia (PSM) Cawangan Bayan Baru

Encik Choo Chon Kai
Cik Soh Sook Hwa

Majlis Dato'-Dato' Pulau Pinang

YBhg. Dato' Tan Chong Meng

Parti Cinta Malaysia (PCM)

Dr. Chin Wee Loon

Parti KITA

Encik Dalbinder Singh Gill

Persatuan Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN)

Dr. Francis Loh Kok Wah
Dr. Mustafa Kamal bin Anuar
Encik P. Ramakrishnan
Encik Anil Netto
Puan Angeline Loh
Dr. Soon Chuan Yean
Encik Henry Loh

PAS Kedah

Tuan Haji Aris bin Awang
Kapt. (B) Zambri bin Ibrahim
Encik Zulkifli bin Ismail

Individu

Encik Ong Jing Cheng

Encik Toh Kin Woon

Cik Lee Hui Fei

Encik Utam Singh

Dr. Lim Hong Hai

LAPORAN PROSIDING**PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KEEMPAT****Dewan Sri Pinang, Lebu Light, Pulau Pinang****KHAMIS, 15 Disember 2011****Pendengaran Awam dimulakan pada pukul 9.35 pagi**

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Selamat pagi, salam sejahtera dan salam 1Malaysia saya ucapkan kepada semua para hadirin dan pegawai-pegawai sokongan dan seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Kedua Belas mengenai dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya Dewan Rakyat Parlimen yang Kedua Belas juga kepada pegawai-pegawai Parlimen dan Yang Berbahagia Datuk Roosme Hamzah Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas ini, wakil-wakil agensi kerajaan, SPR dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya rasa bagi pihak Sekretariat dan tuan rumah di Pulau Pinang ini saya turut mengalu-alukan kehadiran dan selamat datang ke Pulau Pinang untuk tujuan dua hari Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas pada pusingan yang keempat ini. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang atas kerjasama dan penyediaan tempat mesyuarat dan kemudahan lain bagi melancarkan lagi sesi pendengaran awam jawatankuasa pada kali ini.

Ahli-ahli Jawatankuasa akan meneruskan sesi pendengaran awam yang dijadualkan di sini iaitu di Dewan Sri Pinang, Lebu Light Pulau Pinang dan saya ingin maklumkan sejurus selesai sahaja pendengaran awam pada hari ini jawatankuasa akan mendengar taklimat daripada Pengerusi Suruhanjaya Pilihanraya berkenaan dengan maklumbalas terhadap Laporan Jawatankuasa yang telah dibentang di Parlimen serta juga pelan rancangan pelaksanaan oleh pihak SPR.

Sememangnya ya kecuali pada pagi ini tetapi *I think* Pengerusi hanya sebelah petang kita tengok setakat ini memang jadual agak ketat yang telah memohon untuk didengar hari ini ada enam pasukan belum termasuk lagi mereka yang *walk-in* dijangka pada hari ini sampai petang tetapi kita tengok keadaan sebahagian pagi misalnya telah memohon supaya didengar dari Kedah jauh-jauh. Ini kerana dalam pendengaran awam ini di zon Utara merangkumi kawasan Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Selangor yang tidak berapa lebih dekat dengan Pulau Pinang daripada Kuala Lumpur mereka akan ke sini juga.

So, some dengan izin *they ask for afternoon session because of travelling*. Nanti kita bincang dengan pihak SPR satu cara ialah awal sebelah petang ataupun lewat sebelah petang okey.

Saya bercadang supaya sebagai permulaan sesi itu diantara SPR dengan Ahli-ahli Jawatankuasa sahaja dahulu dan yang mana berkaitan dengan pegawai-pegawai yang lain di panggil sebagai langkah kedua nanti. *So*, sebab *initial* sesi pertama bagi SPR untuk memberi maklumbalas mengenai sepuluh perkara yang telah kita bentangkan dan yang berlipat kait dengan agensi-agensi yang lain, mungkin itu adalah sesi kedua melibatkan kerjasama bagi mereka yang terlibat. *So* begitulah sesi pada hari ini. Bagi tidak melengahkan masa kita jemput pasukan yang pertama saya katakan tadi sebelum saya teruskan jemput mereka masuk dahulu itu Parti Keadilan Rakyat Pulau Pinang. *So*, minta pihak pegawai menjemput mereka masuk.

Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha]: Publik pun boleh masuklah, *observers*.

Tuan Pengerusi: Ya, kerana ada tempat di dalam sini... [*Merujuk kepada tempat yang disediakan*] Pihak awam yang ada di luar sana, saudara-saudari sekalian, nampaknya ada tempat untuk kira-kira 20 di dalam yang lain itu bolehlah mengikuti prosiding daripada pameran di luar nanti. Okey, jemput mereka masuk dulu. Sementara mereka masuk saya juga ingin nyatakan bahawa bagi Jawatankuasa Kecil dan Ahli-ahli Yang berhormat mempengerusikan bersama seperti yang saya sebutkan supaya ada perjumpaan kalau bukan hari ini hari esok untuk meneliti *checklist* daripada pendengaran awam di Kuching itu dan setakat mana sudah catatan-catatan yang dijalankan. Sila ambil tempat duduk di hadapan. Terima kasih.

[*Saksi-saksi dari Parti Keadilan Rakyat Pulau Pinang mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa*]

■ 0945

Datuk Roosme binti Hamzah: Tuan Pengerusi, laporan prosiding *on 8 December* kita telah ada. Manakala *on the 9 December we are getting from KL, we will get and print it*.

Tuan Pengerusi: Jadi saya difahamkan setakat ini untuk makluman pentadbiran Pendengaran Awam pada hari Khamis, 8 Disember itu sudah pun tersedia dan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh meneliti penambahbaikan ataupun *correction* jika ada yang perlu, manakala untuk 9 hari bulan ialah nanti pada...

Datuk Roosme binti Hamzah: *In the part of today*.

Tuan Pengerusi: Pada hari ini juga. Okey diminta mereka masuk. Pemerhati sila duduk. Boleh ambil gambar sementara.

Akan tetapi apabila prosiding sudah pun mula, bila saya telah menjemput pihak yang ingin didengar, pihak saksi nanti *no more tacking pictures* kerana seperti mana saya tekankan ini adalah Sesi Parlimen, persidangan.

Baiklah. Selamat pagi dan selamat datang. Ribuan terima kasih diucapkan bagi pihak Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan penambahbaikan pilihan raya kepada tuan-tuan dan puan-puan yang sudi hadir di sesi Pendengaran Awam kita pada hari ini di Dewan Sri Pinang, Lebu Light. Pasukan yang pertama daripada pihak PKR Pulau Pinang sudah tiba. Sebelum saya jemput, saya ingin menekankan beberapa perkara bagi pihak mereka yang datang untuk mendengar dan bagi mereka yang ingin didengar.

Untuk makluman sekalian, ini adalah sesi Pendengaran Awam yang keempat setelah diadakan di Bangunan Parlimen Kuala Lumpur, di Kota Kinabalu di Sabah, di Kuching Sarawak dan pada kali ini kita berada di zon Utara Semenanjung dan ditempatkan di negeri Pulau Pinang pada pagi ini. Sebelum itu saya ingin maklumkan dan memperkenalkan Ahli-ahli Jawatankuasa ini. Mereka semua pun dikenali oleh pihak awam, tetapi sebagai satu pendekatan. Hari ini ada lima Ahli Yang Berhormat turut hadir, di sebelah kanan saya adalah Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad, Ahli Parlimen kawasan Kangar dan seorang ahli *politician* yang veteran, bukan bilang tua, veteran.

Seterusnya di sebelah kanan seorang lagi iaitu Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Hulu Selangor, Yang Berhormat Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan. Seterusnya Ahli kawasan Gombak iaitu Yang Berhormat Tuan Mohamed Azmin Ali. Awal pagi lagi sudah beliau bertemu dengan anggota beliau di hadapan sana. Ahli kawasan bagi Rasah, Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook dan seterusnya Ahli bagi kawasan Wangsa Maju, Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong. Ada dua Ahli Yang Berhormat yang tidak dapat hadir bersama pada hari ini, Ahli kawasan Alor Gajah dan Ahli kawasan bagi Kuala Krai kerana ada komitmen mahupun *medical* yang tidak dapat dielakkan.

Saya ingin menekankan juga bagi semua pihak yang datang untuk didengar dan seterusnya bagi mereka yang mendengar mahupun di dalam, di luar Dewan bahawa sesi Pendengaran Awam ini adalah satu prosiding Parlimen berjalan iaitu mini Parlimen *in session* di mana segala pertuturan akan dicatat, dirakam dan akan dijadikan sebagai dalam bentuk verbatim, *Hansard to be prepared word by word* dengan izin dan dimasukkan sebagai laporan prosiding. Segala cadangan dan syor yang dikemukakan secara bertulis akan juga dijadikan sebahagian daripada laporan Jawatankuasa. Jadi bagi mereka yang mendengar itu, sila patuhi prosedur tatatertib tidak boleh menyampuk dan seterusnya kerana hanya yang dibenarkan untuk berbicara adalah mereka yang dibenarkan untuk menjaga juga wibawa Parlimen serta keselesaan di dalam Dewan ini. Bahasa yang digunakan Bahasa Malaysia, tetapi dengan izin bahasa Inggeris boleh digunakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat ini *multiracial*. Kalau berbicara dalam bahasa lain boleh juga, tetapi terpaksa diterjemahkan *on the spot* dan barangkali tidak mencukupi kemahiran untuk melaporkan itu *especially we speak in Kadazan or speak in – there are a lot of them* dari Sabah dan Sarawak juga ini, Pulau Pinang, Iban pun ada.

Okey, saya beri sebagai permulaan 15 minit ataupun 20 minit kepada pasukan Parti Keadilan Rakyat Pulau Pinang, diketuai oleh Tuan Sim Tze Sin. Saya ingin tekankan di sini bahawa Yang Berhormat Tuan Sim Tze Sin dan yang lain itu bahawa *key word* di dalam Pendengaran Awam ini adalah penambahbaikan. Jadi kita hendak dengar idea-idea yang bernas, cadangan-cadangan walaupun boleh cerita pengalaman juga untuk menekankan betapa pentingnya penambahbaikan ataupun perubahan.

Sebelum itu saya mahu tekankan juga bahawa sebelum ini Jawatankuasa ini telah pun melapor kepada Parlimen dan sepuluh perkara yang telah pun diterima oleh Dewan Rakyat. Perkara-perkara ini masih dalam pertimbangan pihak SPR dan dari segi pelaksanaan, kami akan meneliti. Akan tetapi pihak awam boleh memberi komen, boleh membuat cadangan-cadangan bagaimana melaksanakan itu dengan baik dan seterusnya. Begitu juga lebih daripada 30 perkara telah pun disentuh dalam *Public Hearing* sebelum ini dan kami masih mendengar, kami belum membuat keputusan dalam perkara ini dan ingin mendengar lebih banyak pandangan. Antaranya *automatic registration*, 18 tahun ke 21 tahun, soal persempadanan, isu *first pass the post* ataupun ada sistem alternatif yang lain seperti *proportion for presentation*, proses pengendalian pilihan raya sendiri dan banyak lagi perkara.

Jadi saya dengan itu menjemput, barangkali ketuanya Tuan Sim Tze Sin boleh memperkenalkan ahli pasukan. Saya beri 15 minit atau 20 minit, jika perlu nanti kita akan tambah. Dipersilakan.

9.51 pg.

Tuan Sim Tze Sin [Yang Berhormat ADUN Pantai Jerjak, Parti Keadilan (PKR) Pulau Pinang]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johny Ongkili, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan juga merangkap Pengerusi PSC, Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad, Yang Berhormat Tuan Mohamed Azmin Ali, Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook dan juga Yang Berhormat Tuan Wee Choo Keong, selamat pagi, dan juga ketua-ketua jabatan, ketua-ketua jabatan Parlimen dan ahli-ahli yang saya hormati sekalian, para hadirin dan hadirat sekalian dan *members of press*.

Duduk di sini bersama saya, di sebelah kiri saya Encik Zakaria Abdul Hamid sebagai sekretariat Jawatankuasa Pilihanraya Parti Keadilan Pusat. Duduk di sebelah kiri saya adalah Encik Ibnuataillah sebagai Chief of Staff Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang dan begitu juga dengan Encik Ong Hock Aun, Encik Ong Eu Leong dan Encik Victor Seow Koo Tah, semuanya mewakili Parti Keadilan Rakyat Pulau Pinang.

Hari ini saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kerana datang ke Pulau Pinang dan juga *Northern Malaysia* kerana memberi satu peluang untuk Parti Keadilan membentangkan isu-isu yang cukup kami prihatin. Di sini kita menerima baik terutamanya saya mengucapkan tahniah kerana *proposal* pertama atau laporan pertama telah diterima di Parlimen. Itu adalah hasil usaha tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Di sini, pada pagi ini kita ingin mengemukakan 15 poin yang termaktub dalam laporan ini yang bertajuk “*Memorandum Parti Keadilan Rakyat Pulau Pinang, Kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya*”. Laporan ini ada 53 muka surat yang merangkap semua 15 poin yang kita ingin bentangkan hari ini. Begitu juga ada satu CD yang telah dihantar kepada sekretariat kerana 53 muka surat kita mengemukakan contoh-contoh terutamanya daftar pemilih yang bermasalah, dengan contoh sahaja. Akan tetapi, dalam CD ini kesemua nama-nama yang bermasalah telah dimasukkan dalam CD ini.

Jadi tuan-tuan dan puan-puan, untuk memulakan pembentangan kali ini, cadangan Parti Keadilan Pulau Pinang, pertama adalah meminta supaya PSC mencadangkan kepada Parlimen dan kepada Kerajaan Pusat untuk mengadakan tiga debat perdana antara calon Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional. Cadangan Parti Keadilan Rakyat adalah supaya debat perdana ini disiarkan secara langsung dalam kesemua TV dan radio milikan kerajaan dan swasta. Setiap sesi ini tidak seharusnya kurang daripada satu jam. Ini akan menjamin bahawa semua rakyat mempunyai maklumat yang sewajarnya apabila membuat pilihan dalam PRU yang akan datang ini.

Kedua, cadangan kedua adalah bersihkan daftar pengundi. Daftar pengundi sekarang, kita ingin menarik ada banyak masalah. Antaranya, warga asing ada lebih kurang 122,273 kes pengundi di Sabah yang meragukan daripada bangsa Indonesia, Filipina dan sebagainya. Contoh...

Tuan Pengerusi: Tuan Sim Tze Sin, ada dalam CDkah itu?

Tuan Sim Tze Sin: Ada.

Tuan Pengerusi: Ini 120 lebih ini, ada?

Tuan Sim Tze Sin: Ada, 100 ribu lebih ada dalam CD ini. Kami juga ingin – Kedua dalam membersihkan daftar pengundi, pengundi tanpa nombor alamat rumah. Kita dapati lebih kurang 668,710 pengundi yang tidak mempunyai nombor rumah dalam daftar pengundi yang terbaru ini.

Manakala (c) pengundi yang ramai di satu-satu rumah. Saya ingin menarik perhatian kes di Kampung Bagan Serai Permatang Pauh di mana ada dua rumah nombornya 1155 dan 1138. Masing-masing mempunyai 91 pengundi berbilang bangsa dan 67 pengundi berbilang bangsa tinggal dalam rumah kecil tersebut. Rumah tersebut telah di ambil gambar di sini... [Merujuk kepada dokumen] Gambarnya ada dalam laporan ini. Nampaknya rumah kecil, rumah tradisi, rumah warisan.

Tuan Pengerusi: Tuan Sim Tze Sin, banyak ahli keluarga di situ mungkin.

Tuan Sim Tze Sin: Kita ada kawan-kawan kita yang buat kerja. Memang ini kawasan Ketua Pembangkang, Dato’ Seri Anwar Ibrahim dan juga kawasan Timbalan Ketua Menteri I. Jadi, kita mempunyai orang yang membuat *checking* terhadap ini.

Tuan Pengerusi: Ya. Saya katakan barangkali ini satu keluarga banyak anak, banyak saudara.

Tuan Sim Tze Sin: Akan tetapi berbilang bangsa. Ada India, ada Cina, semua ada.

Tuan Pengerusi: Banyak cawangan kalau begitu.

Tuan Sim Tze Sin: 1Malaysia... [Ketawa] Okey, isu keempat dalam bersihkan daftar pengundi adalah penukaran lokaliti sedia ada ke lokaliti baru yang amnya contohnya di Selangor dan Perak. Begitu juga ini *lists* telah dimaktubkan dalam laporan ini.

Tuan Pengerusi: Ya, teruskan.

Tuan Sim Tze Sin: Poin (e) adalah belah bahagi bahagian pilihan raya terutamanya di Sabak Bernam. Menurut prinsip belah bahagi, ia tidak boleh dijalankan di antara bahagian pilihan raya negeri ataupun Parlimen, tetapi berlakunya di Sabak Bernam. Saya ingin menarik perhatian PHC tentang isu ini dan telah kami buat siasatan dan semuanya termaktub dalam laporan ini, muka surat 25... [Merujuk kepada dokumen]

Cadangan ketiga adalah mereformasikan undi pos. Kita ingin mencadangkan supaya undi pos dimansuhkan kerana peraturan-peraturan yang tidak adil kepada pengundi-pengundi pos. Kalau boleh, ia digantikan dengan undi awal bagi tentera dan polis dan kempen pilihan raya sama ada dari pemerintah mahupun pembangkang untuk tentera dan polis dibenarkan.

■ 1000

Begitu juga cadangan kami untuk memansuhkan undi pos untuk pasangan tentera atau polis di mana sekarang berleluasa di mana pasangan dibenarkan menjadi pengundi pos. Jadi pengundi pos bertambah secara mendadak. Cadangan ini adalah termaktub di dalam muka surat 40 sampai 42, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, bagaimana kalau kita mansuhkan undi pos, bagaimana yang dipersempadanan yang bertugas tentera yang bertugas misalnya di sempadan Perlis, Kelantan. Bagaimana, apakah cara mereka membolehkan mereka menunaikan hak demokrasi kalau kita mansuhkan sepenuhnya undi pos?

Tuan Sim Tze Sin: Kami cadangkan bagi tentera dan polis yang bertugas di sempadan diberi peluang untuk undi awal di mana sebagai mengikut *stages by stages*. Ini kerana kalau masa kempen 21 hari boleh secara *stages* membenarkan tentera balik mengundi.

Tuan Pengerusi: Barangkali itu praktikal tetapi kalau dia di kepulauan dan dia *out* untuk dua minggu.

Tuan Sim Tze Sin: Jadi kita cadangkan 23 minggu pengundian.

Tuan Pengerusi: Sepanjang dia.

Tuan Sim Tze Sin: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Sim Tze Sin: Okey. Keempat adalah penggunaan dakwat kekal (*indelible ink*). Kita dengan sukacita ingin mengucapkan tahniah kerana PSC telah mencadangkan tersebut tetapi sekarang masih menunggu Fatwa Council tetapi kami ingin menarik perhatian pengerusi bahawa Fatwa Council dalam *website* mereka telah menunjukkan bahawa pada 8 Ogos 2007 Fatwa Council telah membenarkan penggunaan *indelible ink*. Jadi ini *website* ini – kami telah ambil *website* dan diletakkan di muka surat 43.

Tuan Pengerusi: Ya, itu keputusan pada tahun 2007 berasas kepada jenis dakwat. Apabila diputuskan pada kali ini jenis dakwat yang dijangka oleh pihak SPR berbagai warna dan seterusnya kita perlu rujuk semula kepada mereka tetapi *anticipation is, there should be no problem* hanya kita perlu dia pernyataan yang terkinilah.

Tuan Sim Tze Sin: Kalau kita sudah ada dakwat yang telah diluluskan kenapa kita *stick to the old one*?

Tuan Pengerusi: Dia kata *it's not good as* yang terbaru yang dipakai oleh negara-negara lainlah, okey. *There will be different colour and all those kind of things*. Akan tetapi, pada dasarnya *it should not be a problem*.

Tuan Sim Tze Sin: Okey, terima kasih. Kelima, kita cadangkan tempoh kempen minima 21 hari semasa pilihan raya yang akan datang.

Tuan Pengerusi: Kenapa?

Tuan Sim Tze Sin: Ini kerana, kita...

Tuan Pengerusi: Bukan senang, pihak awam kata ini sudah moden ICT perlu lagi lama daripada Malaysia *day* punya...

Tuan Sim Tze Sin: Ini kerana kita rasa kita perlu ada ruang dan masa untuk rakyat *consider* dengan juga kita harap kalau boleh debat perdana antara calon Perdana Menteri akan diadakan. Jadi kalau kita hanya ada sepuluh hari, tidak cukup masa untuk debat perdana *live* di TV. Jadi kita perlu ada masa yang cukup untuk rakyat membuka mata apakah pilihan mereka. Terutamanya saya rasa di kawasan pedalaman di Sabah Sarawak perlu lebih masa supaya cukup adil kepada mereka terutamanya kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi adalah daripada Sabah dan Sarawak tahu tentang keadaan Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi: Betul juga itu Yang Berhormat Tuan Sim Tze Sin tetapi mahu kaji pekerja kita itu nanti berat sekali mahu beri makan pekerja pilihan raya kita itu yang sana itu... *[Ketawa]* After 21 days barangkali tidak boleh berjalan ke pasar untuk beli sayur.

Tuan Sim Tze Sin: Kami meminta maaf kerana kami tidak ada *helicopter*. Kami cuma ada jalan kaki dengan bot sahaja... *[Ketawa]*

Okey, untuk cadangan keenam adalah akses media yang bebas dan adil. Untuk isu ini, kita amat – ini adalah *lowest hanging fruit* pada pendapat kita sebab media akses yang bebas dan adil boleh dilaksanakan mulai sekarang, tidak payah tunggu sampai pilihan raya.

Akan tetapi, sekarang apa yang kita dapati ialah *Utusan Malaysia*, TV3, TV1, TV2 sehingga Astro Awani masih belum memberi ruang yang secukupnya umpamanya TV-TV yang dimonopoli atau dikontrol oleh Kerajaan Pusat tidak langsung memberi ruang kepada parti-parti Pakatan Rakyat. Jadi ini adalah yang ketidakadilan yang berlaku sekarang dan saya minta Tuan Pengerusi boleh *look into these. These were lowest hanging fruit* boleh dilaksanakan sekarang. Tidak payah tunggu dan saya ambil satu contoh di Pulau Pinang di mana kita mempunyai Mutiara FM yang merupakan satu-satunya radio yang khusus untuk warga Pulau Pinang.

Sejak Pakatan Rakyat mengambil alih pucuk pimpinan di negeri Pulau Pinang sehingga sekarang langsung tidak ada satu pemimpin kerajaan negeri baik ketua menteri, timbalan ketua menteri ataupun exco diberi ruang untuk di temuduga atau memberi wawancara dalam Mutiara FM. Padahal pemimpin-pemimpin yang kalah dalam pilihan raya diberi ruang daripada Barisan Nasional diberi ruang untuk *continue to be speaking in the radio* dan saya hendak bagi satu contoh yang paling teruk sekali adalah kita tahu bahawa – saya rasa tuan-tuan dan puan-puan sudah tahu bahawa pada banyak demo umpamanya pada hari Jumaat terhadap oleh golongan-golongan NGO yang memperjuangkan isu-isu tertentu buat demo pada setiap hari Jumaat di Pulau Pinang. Saya ingin maklumkan kepada tuan-tuan dan puan-puan bahawa Mutiara FM memberi *interview* khas satu hari atau dua hari sebelum demo tersebut dilakukan sebagai satu publisiti kepada pendemo-pendemo.

Ini menunjukkan bahawa Mutiara FM mempunyai agenda yang tertentu untuk *undermine the leadership of* kerajaan negeri Pakatan di mana kerajaan negeri Pakatan dipilih oleh rakyat Pulau Pinang. Saya rasa ini adalah satu ketidakadilan yang cukup terang dan saya harap Tuan Pengerusi kalau boleh biarlah *fair reporting*. Kalau hendak bagi ruang kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional *no problem* tetapi kalau boleh bagi kita satu ruang yang sama untuk membalas atau kita ada membangkitkan isu saya pun harap semua TV3kah, TV1 memberi ruang kepada Barisan Nasional untuk jawab ini demokrasi. Saya setuju dengan Perdana Menteri bahawa *we want to become the best democracy in the world. I think this is something that* PSC mempunyai tanggungjawab yang cukup penting.

Tuan Pengerusi: Okey, tumpuan kepada perihal pilihan rayalah dan perihal proses daripada soal pengurusan akses pada masa luar pilihan raya tetapi memang kena ada kaitkan.

Tuan Sim Tze Sin: Okey, cadangan ketujuh adalah kukuhkan institusi awam. Okey, kita - Cadangan Parti Keadilan Pulau Pinang adalah SPR diletakkan di bawah Parlimen dan dijadikan satu badan bebas tanpa campur tangan daripada pihak eksekutif. Selain itu juga, menubuhkan kerajaan sementara selepas *care taker government* selepas Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dibubarkan. Reformasikan mahkamah pilihan raya dan Akta Pilihanraya. Mansuhkan peraturan pilihan raya yang tidak membenarkan pengiraan semula undi di pusat penjumlahan undi jika majoriti yang diterima kurang daripada 5%.

Tuan Pengerusi: Ini sudah kita masukkan di dalam cadangan kita.

Tuan Sim Tze Sin: Okey.

Tuan Pengerusi: Kalau kurang daripada 2% kita ingin supaya dikira semula.

Tuan Sim Tze Sin: Begitu juga dengan Mahkamah Pilihanraya diberi kuasa untuk menentukan petisyen-petisyen pilihan raya tanpa sebarang campur tangan politik daripada pihak-pihak eksekutif. Saya rasa Yang Berhormat Wee Choo Keong adalah salah seorang mangsa daripada campur tangan politik mahkamah yang telah menyebabkan beliau hilang kerusi beliau pada tahun 90-an.

Okey, cadangan kelapan hentikan rasuah. Kewangan parti bertanding di dalam pilihan raya serta had perbelanjaan dalam kempen pilihan raya. Cadangan kami adalah sistem kewangan parti politik diolah dengan baik serta perbelanjaan dalam kempen pilihan raya untuk parti politik yang bertanding dalam pilihan raya dikuatkuasakan dengan adil, saksama dan sama rata. Bagi mengurangkan rasuah politik semasa kempen pilihan raya serta menjamin pilihan raya yang adil dan bersih, SPR dan SPRM mestilah diletakkan di bawah Parlimen diberi kuasa untuk menjalankan tugas tanpa tekanan daripada pihak eksekutif.

Point (b). Pembelian undi terutamanya di kawasan luar bandar dan cubaan mempengaruhi undi dengan gula-gula, "*I Help You, You Help Me*" harus dihentikan.

Tuan Pengerusi: Ada gula-gula jenis itukah sekarang, boleh belikah?

Tuan Sim Tze Sin: *[Ketawa]* Ini gula-gula untuk pilihan raya. Okey, kami mencadangkan supaya sistem kewangan pilihan raya untuk parti politik mengikut cara *German* sistem di mana kerajaan pusat akan menyalurkan kewangan untuk sebahagian daripada perbelanjaan parti politik dan sebahagiannya lagi datangnya daripada kutipan derma daripada penyokong serta penderma dengan had RM2,500 setiap sumbangan untuk satu individu atau satu organisasi.

Parti Keadilan Pulau Pinang juga mencadangkan supaya had perbelanjaan kempen pilihanraya iaitu RM200,000 untuk kawasan Parlimen dan RM100,000 untuk kawasan Dewan Undangan Negeri dipantau dan dikuatkuasakan secara serius oleh satu jawatankuasa bersama terdiri daripada semua parti bertanding dalam pilihan raya umum dan keanggotaannya dibahagikan sama rata daripada kalangan parti-parti tersebut. Ini kerana sekarang kurang pemantauan dan kita tahu bahawa – saya hendak ambil satu contoh di mana bahan-bahan pilihan raya yang dibeli oleh Barisan Nasional tahun 2008. Bahan-bahan kempen sahaja *t-shirt*, bendera dan sebagainya telah mencecah lebih daripada RM200 juta. Kalau kita ambil – ini berdasarkan kes mahkamah, satu *company* yang mendakwa bahawa Barisan Nasional tidak membayar bahan-bahan kempen tersebut dan *claim* mereka adalah lebih daripada RM200 juta. Kalau kita bahagikan kepada Parlimen Malaysia hanya 222 Parlimen sahaja *on average* adalah lebih kurang RM1 juta hanya untuk kempen bahan pilihan raya. *So, that means* jauh lebih besar daripada RM200, 000 yang telah ditetapkan oleh SPR.

Maka ini merupakan satu contoh yang amat ketara terhadap bahawa memang parti-parti politik tertentu telah membelanjakan lebih daripada yang ditetapkan oleh SPR. Ini harus dipantau dengan serius. Kita tidak mahu satu pilihan raya belanja berbilion-bilion ringgit tetapi ini adalah duit tersebut mesti digunakan dengan lebih efektif dalam pembangunan negara dan sebagainya bukan pilihan raya.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Sim Tze Sin: Okey, cadangan kesembilan hentikan politik kotor. Pada kebelakangan ini kempen politik lucah, kotor dan sebagainya sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab berleluasa dan cadangan kita adalah pihak terbabit yang menjalankan ops lucah dan kotor gunakan tindakan yang tegas termasuk diharamkan daripada mengambil bahagian di dalam pilihan raya. Ini kerana kita nampak ada *blogger-blogger* yang tertentu yang menggunakan isu seks terutamanya video seks terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim dan juga menuduh ketua menteri bahawa anaknya terlibat dalam kes cabul. Ini adalah yang tidak bertanggungjawab dan kita tahu bahawa beliau seorang *blogger* yang ada *link* yang cukup baik dengan salah seorang pemimpin Barisan Nasional.

■ 1015

Beliau baru-baru ini dibenarkan menaiki kapal selam bersama Menteri. Jadi ini adalah isu yang harus kita tengok Menteri. Jadi ini adalah isu yang harus kita tengok secara serius, kerana kita tidak mahu politik negara, *gutter politic ruined our country, because we want the politics that debates on* isu-isu dasar. Bukannya isu-isu *gutter politics*.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tuan Sim Tze Sin, cadangan-cadangan itu memang ada isilah. Hanya ini satu topik yang amat sukar untuk menanganinya khususnya pada masa pilihan raya. Bagaimana dicadangkan, *how to handle this, I have been in this position also, nine years two term in Parliament before, indeed very difficult because both sides actually in one way or another do it they claimed to be* orang kita, tetapi sebenarnya *it can be also the other sides. So,* mengawal ini amat sukar. *How you propose to handle these things? How you manage this properly?*

Tuan Sim Tze Sin: Tuan Pengerusi, *I think the most important things is to have very serious enforcement,* terutamanya pihak polis kena ambil tanggungjawab. MCMC perlu mendedahkan siapa *blogger-blogger* tertentu yang buat pelbagai tuduhan yang tidak berasas. *We haven't seen any action from MCMC, we haven't seen any action from the police and also we haven't seen any action from the SPR. So to me* saya rasa ini adalah satu ketidakadilan yang berlaku. Kalau kita menguatkuasakan, *they will send a strong message* kepada *blogger-blogger* lain yang tidak bertanggungjawab. *So, I think we need to get a few to send a strong message across.*

Tuan Pengerusi: Okey, teruskan.

Tuan Sim Tze Sin: Cadangan kesepuluh, permit polis sewaktu tempoh pilihan raya dan salah guna unit FRU sekatan jalan raya oleh polis dan Polis Cawangan Khas (*special branch*) untuk kepentingan politik tertentu. Sejak tahun 1999 terutamanya selepas Pilihan Raya Umum Kesepuluh, polis telah menggunakan sekatan yang lebih ketat melalui syarat semua ceramah sewaktu tempoh pilihan raya mesti mendapat permit polis terlebih dahulu. Begitu juga dengan kegunaan pihak berkuasa seperti FRU yang berlebihan. Di dalam Pilihanraya Kecil Indera Kayangan, FRU digunakan untuk menyekat jalan masuk ke Bilik Operasi Pilihan Raya Parti Keadilan yang tidak mengadakan apa-apa ceramah. Ia nampaknya semata-mata untuk menakut-nakutkan pengundi di kawasan tersebut. Begitu juga dengan pegawai-pegawai SB digunakan untuk merakam video hadirin-hadirat yang datang ke ceramah terutamanya dianjurkan oleh parti bukan pemerintah sewaktu kempen pilihan raya dan sekatan-sekatan jalan raya dibuat ke tempat ceramah yang berketerlaluan.

Tuan Pengerusi: Jika ambil video membuat orang takutkah begitu?

Tuan Sim Tze Sin: *I'm sorry?*

Tuan Pengerusi: *You said that* ambil video...

Tuan Sim Tze Sin: Yang hadir ceramah ambil video satu-satu orang.

Tuan Pengerusi: Kemungkinan dia dari media?

Tuan Sim Tze Sin: *No, this is special branch and its a form of intimidation* terhadap kebebasan bersuara dan kebebasan untuk mendapatkan *information*. *I think it is a form of intimidation and state intimidation* terhadap mengundi dan dia memberi satu psikologi yang tidak baik kepada pengundi-pengundi terutamanya pengundi-pengundi dari luar bandar yang tidak mempunyai *information* yang mencukupi. Mereka datang sebab hendak tahu tentang *latest development* supaya membuat satu keputusan yang *informed decision*. Akan tetapi malangnya *state intimidation* ini akan menakut-nakutkan orang-orang luar bandar terutamanya. So, cadangan Parti Keadilan Pulau Pinang, permit polis tidak diperlukan dalam tempoh kempen pilihan raya dan dibenarkan diperuntukkan, kerana memang ini dibenarkan dalam Akta Peraturan Pilihanraya. Jika dalam tempoh kempen pilihan raya parti politik tidak dapat menjalankan tugas untuk memberi penerangan kepada pengundi, tidak ada ertinya untuk tempoh kempen ini diwujudkan. Oleh itu parti politik harus diberi kebebasan untuk mengadakan ceramah-ceramah politik tanpa ada sebarang gangguan daripada pihak polis. Pegawai-pegawai polis wajib untuk pegawai keselamatan dan kelancaran lalu lintas dalam tempoh kempen pilihan raya sahaja. Tugas mereka tidak seharusnya lebih daripada itu.

Okey, Pemantau Antarabangsa Dan Tempatan. Dalam pilihan raya Indonesia, Thailand, *Philippine* dan lain-lain Asia Tenggara, pemantau antarabangsa dan tempatan dibenarkan untuk menjalankan tugas-tugas pemantauan untuk memastikan pilihan raya di sana tidak dicemari dengan masalah atau gejala rasuah.

Jika pilihan raya di Malaysia didakwa sebagai bersih dan adil, mengapakah pemantauan antarabangsa tidak dibenarkan hadir dalam pilihan raya umum? Jadi *international observer* dan juga *local observer* memang adalah satu *health democracy*. Gejala demokrasi yang sihat dan saya difahamkan *international observer* seperti *Carter Center* atau *from US* atau *from UK*, tidak dapat datang kerana pihak kerajaan Malaysia tidak memberi laluan atau *reluctant to give an invitation to them*. Jadi ini adalah satu yang, *if you want to become world standard, world class democracy, certain parameter kena patuhi*. Jika kita mencapai *certain parameter* yang tertentu, *we cannot claim ourselves to be the best democracy in the world*. *So we need to have highest standard for ourselves because this is a system that we want to create for our future generation to be proud of*.

Anak-anak kita kalau kita hendak mereka hidup di Malaysia yang bangga dengan Malaysia, *this is what we have to do the reform now*. Jadi Parti Keadilan Pulau Pinang menyarankan pemantauan antarabangsa tempatan dibenarkan untuk bukan sahaja memantau perjalanan pilihan raya pada hari mengundi, akan tetapi mereka juga diberi kebenaran untuk memantau laporan media aktiviti politik sebelum, sewaktu dan pada hari mengundi serta proses pengiraan undi dijalankan. Pemantauan patut dijalankan terutamanya dalam proses undi kerana dapat pegawai-pegawai SPR yang tidak mematuhi undang-undang atau peraturan-peraturan pilihan raya.

Tuan Pengerusi: Okey, teruskan.

Tuan Sim Tze Sin: Okey, cadangan kedua belas. notis atau tarikh pilihan raya mesti ditetapkan terlebih awal. Kita tahu bahawa di Amerika Syarikat mereka sudah tahu tarikh pengundian. *They can predict the dates. Its already confirm*, tidak akan diubahkan. Jadi setiap empat tahun pada hari Selasa November yang kedua. Jadi ini adalah *confirm* dan begitu juga dengan banyak pilihan raya seperti di Thailand baru-baru ini, tarikh pilihan raya diumumkan setengah tahun lebih awal. Begitu juga di Filipina, di Indonesia dan juga di Singapura juga diumumkan lebih awal. Jadi *the issue is* kalau kita katakan kita menggunakan *Westminster system*, di mana Perdana Menteri mempunyai kuasa terhadap menetapkan tarikh pilihan raya, saya hendak bangkitkan bahawa di Great Britain, pilihan raya mereka juga diumumkan jauh lebih awal, lebih kurang, *about six months*, enam bulan sebelum tarikh pilihan raya. Jadi saya juga menyarankan supaya Malaysia juga ikut jejak-jejak demokrasi standard dunia supaya umumkan tarikh pilihan raya lebih awal.

Tambahan satu lagi adalah oleh kerana ada debat bahawa sekarang Parlimen Malaysia dan juga Dewan Undangan Negeri daripada Pakatan Rakyat mungkin tidak akan membuat pilihan raya pada masa yang sama. Kita tahu bahawa kerajaan negeri-negeri Pakatan Rakyat menguasai empat negeri dan mempunyai *political crowd* yang cukup besar kerana mereka mempunyai *the most popular state and most industrial states* in Malaysia.

We have, kalau kerajaan, Parlimen, Kerajaan Pusat ingin menjimatkan wang seperti yang disebut oleh Pengerusi SPR bahawa ingin menjimatkan wang dan ingin menjimatkan tenaga kerja dan juga pegawai-pegawai ingin jadikan serentak, saya hendak cadangkan di sini bawah Perdana Menteri Malaysia harus berbincang dengan Ketua Pakatan Rakyat iaitu Ketua Pembangkang Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk menetapkan bersama-sama bermesyuarat menetapkan tarikh pilihan raya dan diumumkan lebih awal.

Kalau diumumkan lebih awal, *I think it will send a very good message to the market especially investor-investor*. Mereka tahu bahawa kestabilan politik memang terjamin *and in corporate world they want stability. They don't want to have surprises*. So, kalau boleh tetapkan masa pilihan raya lebih awal dengan cara bermesyuarat dengan Ketua Pembangkang dan *that will give us, every one including SPR* masa untuk *planning* mereka, pegawai-pegawai untuk ambil cutikah atau tidak perlu ambil cutikah boleh tahu, polis-polis pun boleh pelan mereka punya cuti dan sebagainya *so that the whole country will be stabilized*.

It is not a democracy kalau Perdana Menteri *one person control the fate of the country of 28 million populations*. Now, *only one person has a say and this is not a true democracy* kalau kita *leave it to just one person. The whim and fancy of a person*. *I think we have to institutionalize the date of election, so that every one from the country political leaders, political parties* sampai ke pegawai-pegawai kerajaan, sampai ke *business and stock market* dan juga *business owners* semuanya boleh *plan* tentang pilihan raya.

Deposit pilihan raya dikurangkan RM10,000 untuk Parlimen dan RM5,000 ke DUN ke RM5,000 serta RM3,000 masing-masing. Cadangan Parti Keadilan Pulau Pinang mengambil bahagian dalam pilihan raya tidak sepatutnya disekat melalui apa cara sekali pun. Oleh itu SPR mesti mengurangkan deposit bagi menjadi calon dalam pilihan raya dan guna balik ketetapan deposit pada RM5,000 untuk kerusi Parlimen serta RM3,000 untuk kerusi DUN.

Cadangan keempat belas adalah umur pengundi yang layak untuk mengundi dikurangkan ke 18 tahun ke atas. Cadangan Parti Keadilan Pulau Pinang, anak-anak muda adalah pemangkin kepada pembangunan negara dan mereka membentuk sebahagian besar daripada *resource* negara yang bernilai. Anak-anak muda sekarang juga lebih terdedah kepada maklumat terkini dan boleh membuat keputusan yang jauh lebih matang. Oleh yang demikian, had umur pengundi yang layak mengundi harus dikurangkan ke 18 tahun daripada 21 tahun sekarang.

■ 1030

Okey, *point* yang terakhir, adalah jangka masa pameran rang daftar pengundi tambahan mesti dipanjangkan kepada sekurang-kurangnya 21 hari berbanding amalan sekarang hanya tujuh hari serta yuran ataupun denda bantahan dikurangkan. Isu ini adalah daftar pengundi. Selalunya dipamerkan dalam pejabat-pejabat pos.

Saya difahamkan oleh banyak ketua pejabat pos bahawa mereka tidak terima daftar pengundi terbaru untuk dipamerkan atau apabila mereka terima tarikh tersebut telah lepas. *It's already over. So, ini adalah isu di mana pengundi-pengundi yang baru daftar itu kalau mereka hendak membantah mereka tidak dapat membuat bantahan yang mempunyai – they don't have the time and the rights to bantah.*

Ini kerana di pejabat-pejabat pos dia buka *during office hour*. Kebanyakan orang muda sekarang dia bekerja juga waktu *office hour*. *So, we have to have more time* kepada mereka untuk membuat bantahan. Jadi Keadilan Pulau Pinang mencadangkan alamat pengundi disertakan dalam daftar pengundi induk dan juga daftar pengundi tambahan untuk memudahkan pengundi-pengundi dijejaki. Denda tidak harus dikenakan kepada bantahan yang dibuat oleh parti yang terlibat. Ini memandangkan pihak SPR meminta orang ramai serta parti politik untuk menyemak dan memberitahu SPR melalui bantahan, jika ada kemusykilan.

Orang ramai dan parti politik menjalankan tugas bagi pihak SPR untuk menentukan pemohon yang ingin menjadi pengundi baru ataupun pengundi bertukar status alamat serta status pengundi biasa ke pengundi pos adalah benar-benar wujud. Oleh yang demikian denda untuk bantahan perlu dihapuskan.

Tuan Pengerusi, semua isu tentang daftar pemilih dan kerja-kerja daftar, pameran, bantahan dan isi borang menjadi pengundi, semua ini boleh diselesaikan dengan memberi status automatik pengundi. *We don't have to waste a lot resources* sebab sekarang *you print borang*. Borang kena hantar dari *printer* ke Pejabat SPR. Pegawai SPR kena turun padang pergi ke *shopping mall, even during weekends* untuk daftarkan pengundi.

Semua ini memakan masa, belanja dan *you know, it's a waste of time, energy and our resources*. Lagi pun kena bayar kepada pendaftar-pendaftar pengundi. *So, this is total waste of our time and energy. We can save all this money by one click just do a good system, linkkan pendaftar pengundi dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Everyone can automatic become a voter. So, why should we waste so much time and effort, energy and resources? Why not do the easiest way of giving automatic voters registration.* Jadi tambahan kepada 15 cadangan tersebut, cadangan ke-16 adalah *Automatic Voters Registration*. Dengan kata-kata ini, saya – satu lagi adalah kita amat berterima kasihlah kepada semua yang sudi hadir pada malam ini. Saya telah difahamkan oleh Ketua Menteri...

Tuan Pengerusi: Malam ini *or* hari ini?

Tuan Sim Tze Sin: Hari ini... *[Ketawa]*. Pagi ini.

Tuan Pengerusi: Ini bukan Antartik, ini bukan Antartika. Antartika 24 jam... *[Ketawa]*

Tuan Sim Tze Sin: *I want to extend my sincere thanks* dan saya difahamkan bahawa Ketua Menteri akan *host everyone a dinner, informal dinner* malam ini *for everyone* kerana datang dari jauh dan dekat sebagai satu tanda *appreciation of your good effort in reforming the country*.

Tuan Pengerusi, tuan-tuan dan puan-puan, kita – *I think we have a very important mission. We are not looking at PRU-13 dan PRU-14, but we are looking at our future generations. I have a kid; I have a 15 years old girl, sorry 15 months old daughter.* Saya ingin dia...

Tuan Pengerusi: *That's a big different, 15 years... [Ketawa]*

Tuan Sim Tze Sin: *Fifteen months old daughter... [Ketawa] I want her to grow up in Malaysia that she can be proud of. I think if we don't reform our system, we don't do our job now seriously, a lot of our younger generation.* Saya rasa tuan-tuan dan puan-puan mempunyai anak-anak semua. *We have to do this country for place for them to be proud of and they can live in a fair system where decision, they can make a decision to elect the government of their choice. This is what we should give them the hope and a place for them to be proud of.* Dengan kata-kata ini, sekian, terima kasih pembentangan dari saya.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih Yang Berhormat Tuan Sim Tze Sin. Banyak cadangan dan input-input dan sebahagian juga yang telah pun pihak kita terima sebelum ini. Barangkali dia adalah tambahan seperti daftar pemilih. Kita telah cadangkan dua minggu. Pihak PKR Pulau Pinang mengatakan 21 hari dan beberapa lagi cadangan tambahan. Okey saya buka untuk – terutamanya terima kasih atas jemputan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang yang menjemput kita untuk makan malam.

Nanti Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad akan mengetuai rombongan. Ahli-ahli Yang Berhormat minta mereka yang dapat hadir. Saya difahamkan dua meja boleh 20 orang ataupun 30 orang pun boleh, tertakluk. Tiga mejalah. Saya minta pegawai-pegawai, ketua-ketua jabatan memberi pengesahan sebelum tengah hari supaya dapat diselaraskan. Okey, so lagi pada *hospitality*. Saya buka untuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk komen dan susulan. Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad? Yang Berhormat Gombak? Beliau punya pasukan di sini. Ada yang hendak diberi diskaun sedikit ataupun mahu beri lagi tambahan.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: *Pre-counsel.*

Tuan Pengerusi: *Pre-counsel*, sudah *pre-counsel* sedia. Okeylah. Silakan

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Ada Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Sim Tze Sin di muka surat 47 tentang usaha untuk menghentikan politik kotor dalam politik negara kita. Tuan Pengerusi ada memberi sedikit pandangan tadi. Agak sukar untuk kita mengawal ataupun memantau kerana sering dilihat semua pihak yang terlibat dalam proses pilihan raya melakukan kesalahan yang sama. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sim Tze Sin, kalau kita lihat pengalaman di beberapa negara maju khususnya di Jerman, selepas zaman Nazi dan juga Hitler di mana beliau telah meruntuhkan segala institusi demokrasi dalam negara tersebut.

Jerman telah mengambil inisiatif untuk membentuk beberapa yayasan demokrasi di mana kerajaan, NGO dan *civil societies* dan dalam konteks ini mungkin SPR boleh memainkan peranan untuk menubuhkan yayasan demokrasi negara. Di mana ia memberikan latihan dan kefahaman kepada rakyat Malaysia khususnya generasi akan datang tentang apa makna demokrasi sebenarnya. Bagaimana demokrasi ini dapat disuburkan melalui pilihan raya dan *participation* dalam parti-parti politik. Apakah – dan kita lihat Jerman sekarang merupakan sebuah negara yang cukup berjaya dalam konteks demokrasi, khususnya setelah terbentuknya yayasan-yayasan demokrasi yang saya sebutkan tadi. Apakah pandangan Yang Berhormat Tuan Sim Tze Sin dalam perkara ini? Apakah ia boleh dilaksanakan dalam negara kita untuk generasi yang akan datang melihat demokrasi ini dalam konteks yang lebih positif. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Sin: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Tuan Mohamed Azmin Ali. Saya cukup menyambut baik cadangan Yang Berhormat tentang pembentukan yayasan demokrasi. Apabila kita *learning from the experience of Germany* dia adalah satu negara diktator sehingga Perang Dunia Kedua, akhir Perang Dunia Kedua. Mereka – kalau kita kira daripada akhir Perang Dunia Kedua sampai ke sekarang lebih kurang 60 tahun atau 70 tahun sahaja. Mereka berupaya *reform from dictators state* kepada satu demokrasi yang paling unggul di dunia. Ini menunjukkan bahawa *within 70 years they have transformed and reformed themselves*.

Apa yang mereka gunakan seperti Yang Berhormat Tuan Mohamed Azmin Ali sudah katakan adalah sebagai satu institusi pendemokrasian melalui yayasan demokrasi melalui *voters education* dan juga *education* terhadap parti-parti politik, tidak menggunakan cara-cara kotor, *gutter politics*, video sekskah, apa-apa akan tetapi kepada isu-isu polisi dan sebagainya. Ini adalah kejayaan *German experience* dalam membentuk satu negara yang cukup – *first world, world class democracy, the best democracy in the world*.

Mereka juga ada *funding* daripada Kerajaan Pusat kepada parti-parti politik untuk menjalankan aktiviti-aktiviti seperti *voters education*, pemahaman tentang demokrasi dan juga pelbagai aktiviti lagi untuk memantapkan demokrasi. Ini adalah sesuatu yang harus kalau saya boleh cadangkan kepada PSC untuk *look into it and* cadangkan kepada Kerajaan Malaysia.

Tuan Pengerusi: Ya. Itu satu *input* yang saya rasa *fresh* ataupun memberi gambaran yang baik. Hanya kalau yang Jerman punya format itu, yayasan ini di bawah setiap parti masing-masing. Akan tetapi ia mendapat peruntukan daripada kerajaan untuk mengamalkannya. So, ia dimiliki oleh parti masing-masing akan tetapi memang *will have it working* di kalangan mereka, semua parti hendak fikir macam itu, *because* hendak mengadakan yayasan bagi setiap parti ini *informally* pun ada yang dibuat ini. Masing-masing ada *think-tank*.

Kalau hendak yang *neutral, a political* – kalau ada cadangan yang konkrit daripada parti masing-masing pihak sini sedia untuk melihatkan itu. *The mechanisms of it have to be, you know but we are open.*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuan Pengerusi, terima kasih. Selain daripada parti-parti politik di Jerman mempunyai Yayasan Demokrasi masing-masing akan tetapi ada juga badan bebas seperti Konrad Adenauer yang memang terkenal dalam menterjemahkan dasar-dasar dan prinsip demokrasi dalam negara yang telah banyak membantu dan ia bekerjasama dengan semua parti politik sama ada parti pemerintah ataupun pembangkang.

Perkara yang penting ia mempunyai satu model yang cukup jelas tentang maksud demokrasi sebenarnya. Ini sebuah yayasan yang telah cukup berjaya di Jerman dan ia telah membantu juga negara-negara ketiga dalam memperkenalkan demokrasi.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi *even Konrad is Christian democrats*. Okey, setiap parti itu ia ada yayasan. Akan tetapi yayasan terbuka, *openly audited*, peruntukan daripada *foreign affairs Germany* untuk mengamalkan itu. *So, we want to move forward* dalam bidang ini saya rasa kalau semua parti dalam Jawatankuasa ini mahu melihat itu sebagai satu cadangan saya rasa kita terbuka untuk membincangkan. Yes, Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi kalau kita hendak ada yayasan politik begini demokrasi dalam parti politik pun mesti ditingkatkan juga.

Tuan Pengerusi: Ya, betul itu.

Tuan Wee Choo Keong: Kita tidak boleh...

Tuan Pengerusi: Boleh spesifik lagikah yang itu?

Tuan Wee Choo Keong: Akan tetapi pilihan dalam parti politik ada banyak sekatan juga yang saya nampak sama ada di – Saya memang ada pengalaman yang agak mendalam juga.

Tuan Pengerusi: Apa pengalaman itu?

Tuan Wee Choo Keong: Pengalaman saya banyak. Dalam DAP pun saya tahu ada kawalan yang amat ketat juga. *So, kalau kita hendak ada satu demokrasi yang sedemikian yayasan ini, dalam parti politik pun kita mesti ada demokrasi yang sebenarnya. Ini supaya demokrasi ini boleh sampai kepada pilihan raya umum juga.*

■ 1045

Kalau dalam parti politik sendiri tiada demokrasi yang sebenarnya, bagaimanakah parti ini boleh melaksanakan demokrasi yang sebenarnya dalam pilihan raya umum. Jadinya seperti orang kata cakap tidak serupa bikin. *So kita perlu be fair here.* Kalau kita hendak itu, *it has to begin at home.*

Tuan Pengerusi: *So di bawah naungan SPR, maybe it can be considered all parties punya yayasan. If I want develop that further, I want to hear more tiga lagi public hearing and see bagaimana...*

Tuan Wee Choo Keong: *I think we should have also guideline...*

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Wee Choo Keong: *Within the party. So that, the democracy can start.*

Tuan Pengerusi: *So it is...*

Tuan Wee Choo Keong: *So we are given a situation of cakap tidak serupa bikin. Do not do as what I do, but do as what I Teach. They want that system, that one, those hypocrisy. Kita tidak mahu satu sistem yang di luar kita kata kita hendak demokrasi, tetapi dalaman kita tidak mengapa. Never mind, supaya rasanya kita kekalkan kuasa kita dalam parti kita. Tidak mengapa. Kita tidak mahu demokrasi yang sedemikian Tuan Pengerusi.*

Tuan Pengerusi: *Sure, so that, we can set the code of ethics for Member kita semuanya. Okey. Siapa lagi? Kalau tiada...*

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuan Pengerusi, satu lagi sebelum saya pergi kepada perkara yang terakhir. Susulan daripada pandangan Yang Berhormat Wangsa Maju, saya kira kalau kita dapat membentuk satu Yayasan Demokrasi ini dan melibatkan bukan sahaja anggota parti, tetapi rakyat keseluruhannya secara tidak langsung ia juga akan mendidik anggota-anggota mana-mana parti pun supaya mempertahankan prinsip-prinsip demokrasi ini. Ini kerana *term of references* kita pada hari ini ialah penambahbaikan proses sama ada dalaman parti mahupun di peringkat pilihan raya. Kalau Yayasan Demokrasi itu dapat diselaraskan dengan terma-terma yang jelas dan ia dapat mendidik rakyat keseluruhannya sama ada dia anggota parti ataupun di luar parti dan akhirnya dia dapat membantu pendemokrasian dalam negara.

Cuma *my final point* Tuan Pengerusi, merujuk kepada pembentangan saudara Sim Tze Sin di muka surat 24 tentang belah bahagi bahagian pilihan raya. Saya kira ini suatu perkara yang agak serius yang buat kali pertama kita dibentangkan dalam *public hearing* secara *detail* walaupun sebelum ini saya juga mendapat maklumat yang sama. Kalau saya boleh mendapatkan sedikit pandangan daripada SPR tentang perkara ini, kerana dakwaannya ialah mengikut peraturan yang sedia ada, belah bahagi yang dijalankan oleh SPR ini tidak boleh melampaui bahagian pilihan raya. Maknanya kalau dia pindahkan lokaliti dan daerah mengundi itu, mesti dalam DUN yang sama. Malahan dia tidak boleh keluar daripada DUN itu.

Akan tetapi, perkara ini nampak sudah terlalu *rampant* dilakukan dan saya masih ingat Tuan Pengerusi, pada tahun 2004 apabila proses ini dijalankan secara sewenang-wenangnya dan bercanggah dengan peraturan yang sedia ada sehinggakan berlaku satu keadaan yang huru-hara dalam pilihan raya tahun 2004 di mana SPR terpaksa melanjutkan tempoh pengundian selama satu jam di saat-saat akhir. Ini kerana apa yang berlaku apabila pengundi itu sampai ke sekolah untuk membuang undi, namanya tidak ada dan bila disemak, rupanya sudah pergi ke DUN yang lain dalam negeri Selangor.

Jadi, untuk *voters* ini *travel* dari satu DUN ke satu DUN yang lain, sudah tentulah menimbulkan satu keadaan yang *chaotic* dalam hari mengundi. Ini berlaku tahun 2004. Hanya saat-saat akhir SPR melanjutkan tempoh satu jam lagi. Apakah jaminan SPR supaya proses belah bahagi bahagian ini tidak dilakukan sewenang-wenangnya lagi kerana ia telah berlaku dan ia sedang berlaku seperti yang kita bentangkan pada hari ini. Boleh saya dapat sedikit pandangan SPR, bagaimana proses ini dilakukan?

Tuan Pengerusi: *Argumentnya* adalah apabila perlu bahagi bahagian iaitu bahagi bahagian daerah mengundi, dia hendaklah kekal dalam satu DUN...

Tuan Mohamed Azmin Ali: Dalam pilihan raya.

Tuan Pengerusi: Ya. Satu bahagian pilihan raya. Perkara yang ditimbulkan – tetapi kalau ia masih dalam satu DUN itu, itu hanya tidak harus perkara timbul. Bukankah?

Tuan Mohamed Azmin Ali: Cuma yang dibentangkan ini ialah dia melampaui batasan bahagian pilihan raya itu dan ini berlaku pada tahun 2004.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi seharusnya cadangan hendaklah mesti dalam satu bahagianlah, bukankah kecuali persempadanan baru yang telah pun dibuat. Okey.

Tuan Mohamed Azmin Ali: Pandangan SPR bagaimana?

Tuan Pengerusi: Yang Berbahagia Dato' Haji Noordin Che Ngah.

Dato' Haji Noordin Che Ngah [Timbalan Setiausaha (Pilihan Raya) Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya hendak jelaskan bahawa proses belah bahagi yang kita laksanakan itu tidaklah sewenang-wenangnya untuk makluman Yang Berhormat Tuan Mohamed Azmin Ali. Jadi, kita di SPR mempunyai prinsip tertentu. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Tuan Mohamed Azmin Ali tadi Tuan Pengerusi, mungkin di situ maksudnya SPR pernah melaksanakan pembetulan lokaliti. Maksudnya di sini, semasa kita menyediakan daftar pemilih *master index* dahulu, lokaliti itu sebenarnya berada di satu bahagian DUN ataupun Parlimen tertentu.

Jadi, dengan kemudahan ICT yang kita adakan sebagaimana yang kita maklumkan dalam beberapa siri pendengaran awam dahulu, EGIS itu. Jadi, kita dapat kenal pasti bahawa sebenarnya *on the ground*, di lapangan lokaliti itu tidak berada sebagaimana disebut di dalam *master index*. Maka, apa yang SPR laksanakan pada waktu itu adalah memperbetulkan lokaliti di lapangan selaras dengan *master index*. Kita pun telah minta pengarah-pengarah negeri kita memaklumkan semua pihak. Sebenarnya ini yang dilaksanakan oleh pengarah-pengarah negeri kita di negeri. Apabila ada perubahan begitu, kita minta maklumkan kepada pimpinan politik di negeri-negeri termasuk juga pemilih-pemilih yang terlibat dengan perpindahan itu.

Sebenarnya ia tidak melangkaui DUN, tetapi berpindah pusat mengundi yang berlainan. Oleh kerana satu daerah mengundi itu mengalami pemilih yang begitu ramai, yang kita tentukan oleh SPR ialah itu 3,850. Kalau 7,000 atau 6,000, kita *split* pusat mengundi.

Akan tetapi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Mohamed Azmin Ali tadi, mungkin di situ adalah berkaitan dengan pembetulan lokaliti dan yang terakhir kita laksanakan di Hulu Selangor hari itulah.

Saya juga perlu jelaskan di sini Tuan Pengerusi, kita ke arah penambahbaikan. Jadi yang tahun 2004 itu, sebenarnya dalam pilihan raya tahun 2008 pun tidak berlaku lagi *insya-Allah* dan *insya-Allah* kita akan bekerja untuk memastikan akan datang ini benda itu tidak berlaku lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey. Satu cara itu adalah jangan lakukan perubahan itu dalam masa yang singkat sudah menuju ke pilihan raya, supaya lebih awal satu tahun. Jadi, *formularization* itu dan taklimat kepada kita punya PPU diadakan. Akan tetapi kalau *last minute*, maka itulah gangguan yang – *so maybe one year before* buat, tetapi selepas itu kalau tidak ia keliru kerana peringkat terakhir. Okey. Kalau sudah tidak ada Ahli Yang Berhormat...

Tuan Sim Tze Sin: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Saya pun ada satu sebelum saya minta Yang Berhormat Tuan Sim Tze Sin untuk – Ini *automatic registration*, memang banyak kami telah dengar ini, tetapi belum ada rumusan daripada pihak kami. Kami masih mendengar pandangan-pandangan. Kalau di Sabah, mereka suka *automatic registration* dengan syarat bersihkan dahulu daftar pemilih. Kalau tidak, *it is carrying over the problem of* pengundi yang diragui. *So* itu pandangan di situ. Satu lagi pandangan kalau kita buat *automatic registration*, biasa dalam *country*, negara-negara lain ia diikuti dengan *compulsory voting*. Kalau tidak, banyak pengundi tetapi *turn out will be very low, about 50%* sahaja sebab mereka tidak keluar mengundi. *Even now pun averaging about 60% plus*. Banyak juga dari segi mekaniknya mengatakan *you* masukkan secara automatik, tetapi mereka tidak keluar mengundi. Berapa lama mereka harus di sana sebelum kita buang mereka dan begitu. *So mechanics are quite involved, the concept is nice*, tetapi dari segi pelaksanaan memang berbeza-beza pandangan dari segi kesukaran. Okey Yang Berhormat Tuan Sim Tze Sin, *do you want to* tambah?

Tuan Sim Tze Sin: Tuan Pengerusi, sebelum saya tambah, saya ingin minta Mr. Ong Hock Aun untuk memaklumkan tentang...

Tuan Pengerusi: Okey, *last one* dari segi juru cakap sebab sudah 40 minit saya beri.

Encik Ong Hock Aun [Parti Keadilan Rakyat (PKR) Pulau Pinang]: Tuan Pengerusi, saya hendak rujuk kepada jawapan yang diberi oleh SPR tadi. Sebenarnya beliau tidak menjawab kepada apa yang kita persoalkan. Ini kerana daripada apa yang kita dapati, contohnya adalah muka surat 25. Pada tahun 2008, di lokaliti Kondo Sunway Sutera, dia berada di Bukit Kota Damansara, tetapi tahun 2010 sudah ditukar ke DUN Bukit Lanjan. DUN yang berbeza. Jadi sepatutnya kalau ikut prinsip belah bahagi, ini tidak patut berlaku.

Lagi satu di JKR Kuarters, tahun 2008 di DUN Kirara melibatkan pengundi 349 orang, tahun 2010 dipindah ke Seri Serdang. Saya rasa ini satu pemindahan yang tidak patut berlaku mengikut prinsipnya.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi dua-dua itu kawasan DAP.

Encik Ong Hock Aun: Itu tidak kira. Akan tetapi dari segi prinsipnya, ini tidak betul.

Tuan Pengerusi: Ya, betul. Okey. Nanti pihak SPR barangkali perlu meneliti perihal seperti ini yang mana pada dasarnya polisi kita dinyatakan, tetapi ada perubahan ataupun ada – Okey tuan-tuan dan puan-puan, terakhir daripada Yang Berhormat Tuan Sim Tze Sin.

Tuan Sim Tze Sin: Tuan Pengerusi, *last question*. Saya minta pandangan daripada Tuan Pengerusi, apakah cadangan yang dicadangkan kami dan usaha tuan-tuan dan puan-puan, Yang Berhormat semua akan tersiar-siar kalau pilihan raya dipanggil pada bulan Januari atau Februari? Adakah mungkin pilihan raya diadakan selepas satu laporan lengkap daripada PHC dan cadangan dilaksanakan, baru diadakan pilihan raya? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Wangsa Maju...

Tuan Wee Choo Keong: Sebelum itu saya hendak tanya, minta *clarify* sedikit daripada Yang Berhormat Tuan Sim Tze Sin. Tadi saya tertariklah dengan kenyataan beliau bahawa mengenai dengan *unfair reporting*, laporan yang tidak adil daripada *bloggers* tertentu. Ini sama ada *unfair reporting* ini terhadap *bloggers* atau terhadap *news portal* tertentu juga? Ini kerana saya nampak laporan-laporan dalam *news portal* yang satu, dua amat ketara di mana mereka menggunakan *news portal* mereka untuk kumpulan ataupun parti-parti tertentu. Macam-macam fitnah juga keluar di sana, sama ada ini *unfair reporting* ini termasuk semua *bloggers* dan *news portal* tertentu juga. Itu saya hendak tanya itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Wee Choo Keong: Kalau *bloggers* sahaja, *unfair reporting* dan tidak termasuk *news portal* tertentu, saya rasa tidak adil juga.

Tuan Sim Tze Sin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Wangsa Maju. *I think* Yang Berhormat Wangsa Maju tidak memberi perhatian kepada hujah-hujah saya. *I think what I said*, *unfair reporting* oleh *mainstream media* TV1, TV2, *Utusan Malaysia* and also *Stars* dan sebagainya yang... Okey, umpamanya *mainstream media* yang *difunded* oleh *tax payers*. *Tax payers* Malaysia, semuanya harus - *the service is funded by the taxes payer, their service is to the country and the people not to the political master*. Apa yang berlaku sekarang adalah *mainstream media* tertentu, *they serve the political master not to the tax payers*. *So we want the money for the bulk okay. We want the tax payer's money to serve the country and the people not the political masters*.

■ 1100

Tuan Wee Choo Keong: *How about – I mean that the news portal also, the money from people, from the tax payers, right? Number one.*

Number two, how about certain television station controled by certain state government they are also from the tax-payers. So, that you are saying that, right? Only for the mainstream media is not alright but from the certain state government, it's okay.

Tuan Pengerusi: Okey, ini satu bidang yang mana Jawatankuasa belum buat rumusan sebab satu melibatkan kedua-dua pihak walaupun *mainstream government* tetapi di peringkat negeri kerajaan berbeza dan ada juga yang dia ada yang *control* so ini perlu masa yang panjang supaya kedua-dua...

Tuan Wee Choo Keong: Dua kali lima, lima kali dua.

Tuan Sim Tze Sin: *I think* Tuan Pengerusi saya rasa *this is one of the lowest hanging fruit* yang boleh dilaksanakan dengan cepat okey. *It's about opening up the number of space* dan juga *servng the rakyat not the political master*.

Tuan Pengerusi: Ya, *that's why I think the further* - lebih banyak *consultancy* perlu dijalankan supaya ada satu kod yang boleh digunakan yang mana Jawatankuasa ini sedia untuk membincang bagaimana formula yang terbaik *because strictly these is outside the power of the SPR and at least we give them the power to widen this particular area and other than managing the media during political campaign and support but if* Jawatankuasa boleh memberi *guidelines you know I think it will be heading in a right directions because it is not one sided, is some where some how. Although where is some how* berat sebelah kiri, berat sebelah kanan. Akan tetapi perlu satu rundingan *for the people on the middle to* dirundinglah.

Tuan Sim Tze Sin: So, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Yang soalan tadi itu.

Tuan Sim Tze Sin: Ya.

Tuan Pengerusi: Apa sahaja yang telah dikemukakan kepada Jawatankuasa mahupun pendengaran awam memorandum, *that's those will not go to wastelah* antara sebab mengapa kami telah memastikan dalam tempoh 60 hari *we'll provided* sepuluh perkara kepada Parlimen adalah untuk tindakan secepat mungkin tertakluk kepada mungkin keperluan kemampuan. Seterusnya, *we're willing to listen*. Kalaulah dibubar awal *strictly* mestilah lama lagilah ada lagi Aprilkan kita *election* dulu Mac so masih lagi 14 bulan. *Then this of course Committee will get result I for one if I'm still around we'll push to make sure that the next group to take it up from recommendation* mesti lapor balik kepada Parlimen. *So, nothing should go to waste as far we are concern*. Okey, *alright* terima kasih Yang Berhormat Tuan Sim Tze Sin dan rakan-rakan.

Tuan Sim Tze Sin: Terima kasih Tuan Pengerusi dan semua.

[Wakil-wakil daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR) Pulau Pinang meninggalkan bilik Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Okey, saya ingin seterusnya jemput yang telah memohon untuk didengar. Dia kata di sini dia Suara Rakyat Malaysia Pulau Pinang tetapi pihak ROS memaklumkan kepada saya bahawa SUARAM di Pulau Pinang tidak berdaftar tetapi di ibu pejabat memang berdaftar. Jadi untuk tujuan itu saya minta Encik Ong Jing Cheng untuk memberi pandangan sebagai individu sebagai Ahli SUARAM tetapi bukan bagi pihak Pulau Pinang. Ada masalah sebab sebelum ini di Kota Kinabalu misalnya satu pasukan, satu parti dari daerah datang dan dia katakan saya bagi pihak parti ini. Akan tetapi, parti induk tidak beri kebenaran...

Tuan Wee Choo Keong: Parti yang mana Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Okey, so akhirnya parti induk katakan itu pandangan dia peribadi. *So, I will not allow* memakai parti induk kecuali ada surat daripada pasukan di induk kalau tidak *you* boleh cakap atas nama peribadi. Di jemput saudara Ong Jing Cheng as a Ahli SUARAM *on behalf of* Pulau Pinang, okey. Sila.

[Wakil-wakil daripada SUARAM mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Okey, saya difahamkan ada berkumpul ada beberapa lagi kawan lain. Okey, Encik Ong Jing Cheng, Encik Toh Kin Woon.

Encik Toh Kin Woon: Saya.

Tuan Pengerusi: Okey, *you are together with Encik Ong Jing Cheng isn't?*

Encik Toh Kin Woon: Ya, ya *together* kita...

Tuan Pengerusi: *Ask individuals* okey. Boleh, *chief spokesman you introduce your memberslah*. Ya, *ask individuals*.

Encik Toh Kin Woon: Nama saya Encik Toh Kin Woon.

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Toh Kin Woon: Sebenarnya, saya adalah...

Tuan Pengerusi: Encik Toh Kin Woon, *you look familiar* okey.

Encik Toh Kin Woon: *Yes, yes*. Saya adalah Ahli Jawatankuasa Pemandu BERSIH 2.0 dan saya sebenarnya ingin mewakili BERSIH 2.0 untuk mengemukakan tuntutan. Akan tetapi, mengikut keputusan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Encik Toh Kin Woon: Tuan Pengerusi tidak membenarkan...

Tuan Pengerusi: *We follow the* Kuala Lumpur. Dato' Ambiga Sreenevasan telah pun mengemukakan khabar dan kami telah memberi dua jam pada waktu itu sebagai peribadi *you* boleh tambah Encik Toh Kin Woon *I know you and the* pasukan...

Encik Toh Kin Woon: Saya merasa...

Tuan Pengerusi: *Please don't repeat what I've been givenlah but can reemphasizelah because we have receive full submissions*. Sila.

Encik Toh Kin Woon: Saya merasa kecewa kerana tidak dapat mewakili BERSIH sebab BERSIH ini satu gabungan 60 pertubuhan...

Tuan Pengerusi: Saya sedia maklum itu *that's why we have explain that in* Parlimen. *We are no problem we can give you views because I want to impose the point that if there are presenting in organization* ibu pejabat *then make sure they got full authority from them otherwise I have this problem like a one party after the guys spoke and then we use different that induk said is doesn't represented us, so the easier is represent reviews as individual but it can be reflective you go pin I don't mind up.* Sila.

Encik Toh Kin Woon: Tuan Pengerusi, izinkan saya memperkenalkan ahli-ahli atau kawan-kawan yang datang bersama-sama dengan saya. Sebelah kanan saya ialah Encik Ong Jing Cheng dari BERSIH 2.0, Pulau Pinang dan juga SUARAM. Cik Lee Hui Fei juga dari SUARAM, Encik Ah Tan dari IKRAM, Encik Azhar dari IKRAM.

Tuan Pengerusi, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen merangkap Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen berhubung dengan proses pilihan raya. Bagi pihak kawan-kawan saya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasihlah kerana memberi peluang kepada saya...

Tuan Pengerusi: Ada memorandumkah?

Datuk Roosme binti Hamzah: Memorandum *the same thing for* BERSIH.

Tuan Pengerusi: Okey, okey.

Datuk Roosme binti Hamzah: Kita minta fotostat.

Tuan Pengerusi: Okey, *you just presentlah since we have got the copy just now.*

Encik Toh Kin Woon: *Sorry, sorry. Anyway* seperti apa yang Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa sedia maklum ada banyak tuntutan yang telah pun dikemukakan melalui dokumen yang telah pun diserahkan oleh BERSIH 2.0 kepada Jawatankuasa. Di sini saya cuma secara ringkaslah ingin mengulangi lapan tuntutan yang bagi kita adalah penting untuk memastikan proses pilihan raya yang adil dan bersih.

Satu ialah bersihkan senarai undi. Senarai undi haruslah dibersihkan dengan segera untuk menyingkirkan pengundi hantu seperti orang yang telah meninggal. Pendaftaran pengundi automatik yang diselarikan dengan senarai Jabatan Pendaftaran Negara yang kita harap dapat menyelesaikan masalah pengundi hantu dalam jangka masa panjang ini satu.

Kedua, mereformasikan undi pos. Semua pengundi haruslah dibenarkan untuk mengundi melalui undi pos atau mengundi lebih awal sekiranya seseorang individu itu tidak dapat berada di kawasan pengundian semasa hari mengundi. Anggota polis dan tentera yang tidak bertugas harus mengundi seperti biasa pada hari mengundi. Undi pos mesti dijalankan dengan telus. Agen parti politik harus dibenarkan untuk memantau proses undi pos, ini kedua.

Ketiga, guna dakwat kekal saya rasa tidak payah saya ucap panjang lebar sebab setahu saya penggunaan dakwat kekal untuk mengelakkan seseorang daripada mengundi beberapa kali telah pun secara prinsip diterima oleh Jawatankuasa. So, ini merupakan satu perkembangan yang baiklah.

Keempat, masa kempen minimum 21 hari. Masa yang lebih panjang diperlukan untuk calon menyebarkan maklumat terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman. Contohnya, baru-baru ini pilihan raya di negeri Sarawak hanya diberikan masa berkempen hanya sepuluh hari sahaja yang kita rasa terlampau singkat.

Kemudian, kelima. Akses media yang bebas dan adil. RTM dan BERNAMA adalah agensi media yang dibiayai oleh kerajaan dan sebenarnya yang dibiayai oleh hasil cukai. So, mereka sepatutnya memberi liputan yang seimbang dan adil untuk semua parti yang bertanding. Parti politik harus dibenarkan untuk membuat pengiklanan tanpa sebarang diskriminasi dan penapisan. Ini adalah mengenai keadilan semua media perlu memberikan hak untuk semua parti membalas kepada tuduhan-tuduhan negatif terhadap mereka.

Keenam, kukuhkan institusi awam. Institusi awam dan kakitangan kerajaan tidak harus berat sebelah dan menegakkan undang-undang dan demokrasi. Institusi awam harus direformasikan supaya bertindak secara bebas, menegakkan undang-undang dan melindungi hak asasi manusia. Contohnya, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) hendaklah memastikan pilihan raya yang bebas dan adil. Badan kehakiman harus memelihara kebebasannya dan menegakkan kedaulatan undang-undang tanpa gentar atau memihak. Peguam Negara perlu bertindak secara tidak berat sebelah dan mengutamakan kepentingan rakyat. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia harus bertindak dengan adil dan menghentikan pendakwaan selektif dan penyalahgunaan kuasa. Polis Diraja Malaysia perlu bertindak secara profesional dalam melaksanakan tugas dan menegakkan kedaulatan undang-undang.

Ketujuh, hentikan rasuah. Rasuah adalah kegiatan mencuri dari rakyat untuk kepentingan peribadi. Rasuah menyebabkan orang kaya bertambah kaya dan golongan miskin makin miskin. Jadi, pembelian undi harus dihentikan dan Akta Kesalahan Pilihanraya tahun 1954 mesti dikuatkuasakan. Bagi pagi ini akhirnya, hentikan politik kotor. BERSIH 2.0 menuntut semua parti politik untuk menghentikan politik kotor. Itu sahaja daripada saya. Saya sekarang...

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ada lagi yang mahu bercakap? Okey, Miss Lee Hui Fei.

Cik Lee Hui Fei: Ya, selamat pagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Cik Lee Hui Fei: Selamat pagi kepada semua. Saya wakil daripada SUARAM cawangan Pulau Pinang. Jadi...

Tuan Pengerusi: Ya.

Cik Lee Hui Fei: Terlebih dahulu SUARAM Pulau Pinang memang menyokong sepenuhnya kelapan-lapan tuntutan yang dikemukakan oleh BERSIH 2. Jadi sebab Encik Toh Kin Woon sudah menghuraikan kesemuanya jadi saya tidak akan cakap panjang lebar lagi tetapi kami ada beberapa tambahan. Selain daripada lapan tuntutan yang telah dicadangkan sebentar tadi, SUARAM juga ada tiga lagi cadangan yang telah disenaraikan dalam kertas cadangan ini. Jadi yang pertama, persempadanan kawasan pilihan raya yang serata. Jadi SUARAM menghalalkan persempadanan kawasan pilihan raya.

Tuan Pengerusi: Persempadanan yang selesa atau apa perkataan?

Seorang Ahli: Serata.

Cik Lee Hui Fei: Persempadanan.

Tuan Pengerusi: Okey, adil.

Cik Lee Hui Fei: Ya. Boleh dibuat dengan serata kerana kalau kita lihat sekarang jumlah pengundi pada setiap kawasan Parlimen mempunyai jurang yang agak besar. Ada kawasan Parlimen yang mempunyai sebanyak 5,000 lebih orang pengundi ada lagi sebanyak 100,000 orang pengundi.

■ 1115

Jadi jurang yang besar antara kawasan Parlimen ini menyebabkan prinsip seorang satu undi itu tidak dipatuhi. Jadi kami mengharapkan perkara ini dapat diperhatikan.

Kedua, membenarkan pendaftaran secara automatik kepada mereka yang berumur 18 tahun. Mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas sudah cukup matang untuk memilih wakil mereka dalam kerajaan dan mereka harus diberikan perwakilan. Pendaftaran secara automatik ini harus diselarikan dengan senarai Jabatan Pendaftaran Negara.

Ketiga membenarkan perhimpunan secara aman selain daripada ceramah. Jadi kita lihat perhimpunan secara aman ini ialah salah satu cara untuk menyampaikan suara rakyat terutamanya sewaktu pilihan raya diadakan. Ini kerana dengan perhimpunan secara aman ini, rakyat dapat menyampaikan pendapat mereka kepada bakal wakil-wakil mereka dan wakil rakyat ini akan dapat membawa suara mereka ke dalam Parlimen dan kerajaan yang ditubuhkan selepas ini. Selain itu juga yang penting pihak polis tidak harus mengganggu tetapi membantu mengawal keselamatan semasa perhimpunan aman diadakan. Jadi itu sahaja tambahan yang kami ingin tambah.

Tuan Pengerusi: Okey saudara Lee Hui Fei, ada satu kertas. Ini daripada SUARAM is it? Yang saudara sentuh *last two point*. Jadi perkara 10 itu saudara Toh Kin Woon, *he mentioned go through that one, so you want to submit this one is it?* Okey, *we can take it as exhibit*. Okey Ahli-ahli Yang Berhormat, ada soalan kepada saudara Encik Toh Kin Woon *the one who used to be the think tank people, bekas EXCO, any further input? You are still very young, you look young*. Lapan belas tahun *automatic registration*.

Sebahagian daripada isu yang dibangkitkan di tempat lain ialah kalau kita *automatic registration*, tetapi kita tidak ada *compulsory voting*, maka banyak yang berdaftar, tetapi banyak yang sekarang ini pun *average turn out* pun 60% lebih. Nanti dengan *automatic registration* dengan orang muda ataupun semua golongan tidak juga banyak turun untuk mengundi, nanti kehadiran mengundi itu rendah. *Some people will say it doesn't reflect the wishes of the people and so forth. What do you think can be done* dengan izin, *to make people come out more to mengundi*. Sekarang ini pun *we are touching only 60% lebih, lebih. You want to say on that behalf on the young generation?* Sila.

Encik Ong Jing Cheng: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Encik Ong Jing Cheng?

Encik Ong Jing Cheng: Ya. Perkara ini penting untuk pendaftaran automatik adalah beri peluang untuk mereka yang sudah matang untuk memilih dan menentukan masa hadapan negara. Ini sangat penting. Macam mana hendak menggalakkan anak muda sedar tentang hak mereka adalah kerja SPR yang banyak untuk memberi kesedaran tentang hak dan politik mereka. Di mana Malaysia juga terhad tentang anak muda terlibat dalam politik, contohnya AUKU. Ini adalah satu. Selain daripada itu juga banyak akta lain seperti ISA yang menakutkan anak muda bersuara.

Tuan Pengerusi: ISA mahu buang. Saya 60 hari ISA, banyak pingat sini.

Encik Ong Jing Cheng: Jadi dia banyak halangan. Ini telah menakutkan. Satu lagi Kerajaan Persekutuan sekarang ini banyak kementerian dipimpin oleh mereka yang berumur.

Tuan Pengerusi: Ya kah? Akan tetapi orang tua penting juga. Seperti nenek-nenek kita penting apa?... *[Ketawa]*

Encik Ong Jing Cheng: Jadi kami perlu, jika tengok negara-negara lain umur 40 lebih sudah jadi presiden negara. Akan tetapi Malaysia, kebanyakan walaupun ketua Pemuda pun agak tua, kalau dia tua sangat 45 ke atas masih boleh jadi ketua. Mungkin saya sudah jadi datuk, sudah ada cucu kalau dia kahwin awallah, dia akan satu budaya yang tidak akan menggalakkan anak muda terlibat dalam politik. Ini adalah sesuatu yang penting. Perlu ada perubahan yang agak penting.

Encik Toh Kin Woon: Boleh saya tambah sedikit? Tuan Pengerusi kata bahawa kalau kita jalankan pendaftaran secara automatik, kemudian kadar yang keluar untuk mengundi rendah, saya tidak nampak apakah kaitan. Bagi saya pendaftaran automatik memastikan bahawa hak semua iaitu hak semua rakyat sebagai pengundi mesti dihormati. Mereka secara automatik boleh menjadi pengundi. Tentang sama ada mereka hendak menggunakan hak mereka untuk memilih pemimpin, memang ini terpulang kepada mereka sendiri. Untuk mengatasi masalah ini sebenarnya bukan tidak ada langkah langsung untuk mengambil. Umpamanya salah satu langkah tambahan yang boleh kita pertimbangkan ialah untuk mengadakan *compulsory voting*, iaitu pengundian secara wajib.

We can do that if you want to. So, kalau kita mahukan semua yang harus menjadi pengundi, daftar sebagai pengundi, dan pada masa yang sama memastikan kadar pengundian yang tinggi, kita boleh melaksanakan kedua-dua langkah ini iaitu pendaftaran secara automatik diikuti dengan penggubalan undang-undang yang memastikan semua yang mempunyai hak untuk mengundi pergi mengundi.

Tuan Pengerusi: Okey, *just* untuk memperingatkan bahawa cadangan ini perlu dihalusi dan dibuat, dia memerlukan perubahan kepada Perlembagaan kerana dalam Perlembagaan itu menekankan seksyen tertentu berasaskan kepada kita untuk memohon untuk menjadi pengundi. Kalau automatik dia tidak memohon kita perlu ubah Perlembagaan. Kalau buat *compulsory voting* pun memang juga memberi perubahan kepada Perlembagaan. So, perlu kerjasama semua pihak parti-parti dalam Parlimen tetapi...

Encik Toh Kin Woon: Tuan Pengerusi, *I am sure our friends in the oppositions will give us support on this, I am sure.*

Tuan Pengerusi: Ya. Mudah-mudahan. Okey, terima kasih banyak atas input itu, daripada tuan-tuan dan puan-puan terutamanya generasi muda. Kami dengar apa yang dikatakan dan terima kasih sekali lagi. *Thank you.*

Encik Toh Kin Woon: Terima kasih.

[Wakil-wakil individu keluar meninggalkan bilik Mesyuarat]

11.24 pg.

[Parti Sosialis Malaysia (PSM) Cawangan Bayan Baru mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian. Saya menjemput daripada Parti Sosialis Malaysia (PSM) Cawangan Bayan Baru Encik Choo Chon Kai dan boleh memperkenalkan teman seperjuangan di situ. Diberi 10 minit, minta hal yang khusus sahaja yang dibangkitkan terima kasih...

Encik Choo Chon Kai [Pengerusi Parti Sosialis Malaysia (PSM) Cawangan Bayan Baru]: Selamat pagi kepada Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Cawangan Khas Parlimen. Saya Choo Chon Kai mewakili cawangan Bayan Baru Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan saya juga merupakan pengerusi cawangan dan juga Ahli Jawatankuasa Pusat untuk PSM. Di sebelah saya adalah saudari Soh Sook Hwa beliau adalah setiausaha untuk PSM cawangan Bayan Baru dan Ahli Jawatankuasa Pusat PSM. Saya terus kepada pembentangan cadangan kami kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen ini.

Sebenarnya kami ada 13 *points* yang akan kami bawa kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dan di mana lapan *point* yang pertama itu telah banyak kali dibentangkan di Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi: Utamakan yang baru.

Encik Choo Chon Kai: Akan tetapi saya hendak ulang sedikit. Walaupun sudah bosan dengar, tetapi ini penting.

Tuan Pengerusi: Jawatankuasa sentiasa mendengar. Tujuan pendengaran awam bagi kami buka telinga dan dengar. Jadi dipersilakan. Tidak bosan.

Encik Choo Chon Kai: Lapan tuntutan ini yang paling penting.

Tuan Pengerusi: Kami boleh hafal semua apa yang dikatakan... [Ketawa]

Encik Choo Chon Kai: Okey, bagi kami teruskan. Okey, lapan tuntutan itu adalah membersihkan senarai pengundi, pendaftaran automatik saya rasa ini adalah penting perlu disenaraikan dalam senarai Jabatan Pendaftaran Negara. Akan tetapi untuk tadi ada komen tentang kalau hendak adakan pendaftaran automatik kena ada juga *compulsory voting* supaya kadar untuk keluar mengundi itu tidak kurang. Saya tidak setuju dengan itu sebab hak mengundi itu termasuk hak untuk tidak membuang undi. Seorang pengundi dia mempunyai hak untuk memilih siapa yang dia suka dan ingin menjadi wakil rakyatnya dan dia juga ada hak untuk kalau dia rasa calon-calon itu dia tidak setuju dia boleh *abstain*. Kalau kadar *abstain* itu tinggi, maksudnya ada sesuatu masalah dengan pilihan raya. Kalau kerajaan memerintah kena lihat apakah rungutan rakyat mengapa mereka tidak keluar mengundi dan kena buat sesuatu untuk mengubah keadaan itu.

Saya rasa pendataran automatik itu adalah sesuatu yang perlu tetapi *compulsory voting* itu tidak patut diadakan kerana dia akan menjejaskan hak demokratik kita untuk tidak mengundi untuk memilih calon-calon yang bertanding. Undi pos, dakwat kekal ini sudah banyak kali diterangkan. Masa kempen 21 hari, akses media yang bebas dan adil, kukuhkan institusi awam, hentikan rasuah termasuklah memberi sogokan kepada pengundi seperti *you help me, I help you* itu kena dihentikan sama sekali. Hentikan politik kotor, tadi sudah banyak dibincangkan. Nombor sembilan adalah kurangkan umur mengundi daripada 21 tahun ke 18 tahun kerana kami rasa anak muda yang berumur 18 tahun ke atas sudah ada fikiran yang matang dan kalau mereka tidak diberikan hak mengundi, maksudnya ada sesuatu masalah dalam sistem pendidikan kita kerana gagal melahirkan seorang warga negara yang berumur 18 tahun ke atas yang mampu berfikir dan mampu membuat keputusan secara bertanggungjawab, menjadi seorang warga negara yang bertanggungjawab. Saya rasa ini kita kena beri hak kepada semua anak muda yang berumur 18 dan ke atas.

Kesepuluh adalah persempadanan semula kawasan mengundi mengikut prinsip seorang pengundi satu undi. Maknanya sekarang, sebab kita lihat sekarang pembahagian kawasan Parlimen dan DUN itu pakai kaedah *gerrymandering* yang mengujudkan keadaan yang tidak adil dari segi kondusi yang dimenangi oleh satu parti, tidak mencerminkan peraturan undi yang diperolehnya dalam pilihan raya. Kita lihat pada masa sekarang jumlah pengundi di satu kawasan Parlimen adalah dalam lingkungan 5,000 orang terendah sampai 100,000 orang pengundi. Perbezaannya sampai 95%. Ini satu perbezaan yang sangat besar.

Kalau lihat DUN contohnya di Sarawak, kalau kita lihat pilihan raya tahun ini di DUN yang mempunyai pengundi yang paling kurang adalah 6,958 - N70 Bagan Lalang dan DUN yang mempunyai pengundi yang paling ramai adalah di Pending N10 terdapat hampir 30,000 orang pengundi. Bezanya adalah empat kali ganda. Maksudnya seorang pengundi di N70 bersamaan dengan empat undi di N10. Ini merupakan sesuatu yang tidak seimbang dan kami rasa perlu ada perubahan dari segi persempadanan supaya menjadikan perbezaan pengundi itu perlu ada dalam lingkungan tambah tolak 20%. Contohnya kalau kita ambil Parlimen kalau rata-rata semuanya 50,000 so lingkungan perlu dalam 40,000 sampai 60,000 sahaja pengundi dalam satu kawasan Parlimen.

■ 1130

Okey, nombor sebelas - Kerajaan Penjaga. Okey, selepas Parlimen dan DUN di bubarkan, sebelum kerajaan perlu dibentuk selepas pilihan raya kerajaan pada masa itu adalah kerajaan penjaga (*caretaker government*). *Caretaker government* tugas yang utamanya ialah memastikan operasi harian jabatan-jabatan kerajaan berjalan seperti biasa. Polis yang kena bekerja, Bomba kena respons kepada kecemasan, hospital buka. Itu yang tugasnya *caretaker government*. Kerajaan pada masa itu tidak boleh membuat apa-apa lagi pengumuman dasar. Tidak boleh cakap ada projek baru di sini, di situ ataupun mengumumkan peruntukan untuk sesuatu projek yang tidak ada kuasa untuk buat begitu sebab kerajaan baru belum dibentuk lagi.

Ketiga Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pendaftaran pemilih pos yang agak dan kemungkinan boleh berlaku akan datang juga iaitu pengundi-pengundi pos akan dimasukkan ke dalam sesuatu *locality* oleh pihak SPR secara tidak logik. Bermakna, tidak melalui proses sebagaimana yang termaktub di dalam Akta Pilihan Raya dan peraturan-peraturan yang ada. Kemudiannya, pengundi pos tersebut diletakkan di kawasan yang bukan penempatan atau kem tentera yang ramai seperti di Sungai Petani, di mana-mana kem yang besar, sehinggakan bilangan pengundi pos mencapai sehingga 1,000 orang. Jadi, kita berharap supaya SPR menjadi lebih telus dan menerima bantahan yang dibuat oleh pengundi-pengundi di dalam kawasan berkenaan. Saya bagi contoh, di kawasan Parlimen Sik, bagi DUN Belantik dalam pilihan raya umum yang lepas, undi pos ada 1,003 orang dimasukkan ke situ. Pengundi-pengundi pos yang dimasukkan ke sana adalah datangnya daripada kem yang berpangkalan di kem Sungai Petani dan berpangkalan di kem Gerik. Apabila hari mengundi, agen tempat mengundi kami atau agen tempat mengundi parti politik terpaksa pergi ke Sungai Petani ataupun ke Gerik ataupun ke Ipoh. Adakah logik dari sudut penempatan undi pos? Apabila kita berjumpa dengan pihak SPR, di Putrajaya. Pihak SPR menjawab, kami ikut arahan, Kementerian Pertahanan yang letak. Kami tidak ada, ikut arahan. Ini satu benda yang tidak logik dan tidak perlu dijawab oleh pihak SPR. Kalau SPR jawab macam itu, tidak berguna. SPR bukan ada di situ apabila kita yang penduduk setempat sendiri pun membuat bantahan, tidak boleh diterima. Jadi, kita berharap supaya akan datang kalau berkaitan dengan penempatan atau pendaftaran pengundi pos, ini diteliti dengan betul.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara yang berikutnya berkaitan dengan kebenaran masuk tempat mengundi. Terdapat sedikit percanggahan kalau kita teliti di dalam dua buku yang dikeluarkan oleh pihak SPR. Pertamanya, di dalam Peraturan Pilihan Raya pada tajuk Perjalanan Pilihan Raya 1981, kalau kita rujuk pada seksyen 15(4).

■ 1530

Di sini dinyatakan, tidak lebih daripada seorang agen tempat mengundi bagi setiap calon boleh dibenarkan masuk pada suatu masa ke mana-mana tempat mengundi semasa pengundian dijalankan. Kita boleh rujuk pada muka surat 25. Kalau kita lihat pula di dalam buku panduan agen tempat mengundi ataupun agen mengira undi dan pemerhati baru, semakan Ogos tahun 2007 yang dikeluarkan oleh pihak SPR. Bahagian II, disebutkan kepada kita pada hari mengundi, perkara 3 – Kebenaran Masuk Ke Tempat Mengundi. Rujuk bilangan 3.1, '*Pada umumnya lebih seorang boleh dilantik menjadi agen tempat mengundi tetapi hanya seorang agen tempat mengundi sahaja dibenarkan masuk ke tempat mengundi pada satu-satu masa semasa pengundian berjalan bagi mewakili sesebuah parti atau seseorang calon*'.

Jadi yang ini Tuan Pengerusi, dapat kelirulah, mana satu kita hendak ikut. Nak ikut seorang agen tempat mengundi untuk setiap calon ataupun seorang agen tempat mengundi untuk sebuah parti. Perkara ini sering berlaku di pusat-pusat mengundi. Jadi, kita harap perkara ini dapat diperbetulkan supaya akan datang...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Telah pun diputuskan sekarang ini dan hanya seorang, bagi parti seorang agen sahaja. Umpamalah pilihan raya umum dan negeri diadakan serentak, bukan selalunya, ikut interpretasi itu, bermakna kata Barisan Nasional, dia layak melantik seorang *polling agent* bagi calon Parlimen, seorang *polling agent* bagi calon DUN. Akan tetapi sekarang tidak dibenarkan begitulah, hanya seorang sahaja mewakili parti itu. Walaupun dia bertanding di dalam kedua-dua kawasan, Parlimen dan *state*.

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Bagaimana kalau di Parlimen itu, contohnya daripada komponen yang sama, parti yang sama, contohnya daripada kalau Barisan Nasional, yang masuk MCA ataupun UMNO. Di Parlimennya UMNO, di DUNnya MCA, adakah dia guna pakai satu...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia satu sahaja di bawah tiket Barisan Nasional.

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Itu kalau kita cadangkan supaya kekalkan seorang calon, seorang agen. Kita cadangkan supaya kita kekalkan peraturan yang berada di dalam seksyen 15, Perjalanan Pilihan Raya yang mana seorang calon, seorang agen ditempatkan mengundi.

Tuan Pengerusi: Ya, sebab satu berikutan simbol yang digunakan. So, satu bagi setiap simbol.

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Simbol yang digunakan.

Tuan Pengerusi: So, kalau dia BN satu sahaja. DAP satu. Maksudnya, satu calon jugalah. Okey.

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Kita cadangkan supaya dikekalkan di bawah seksyen 15 itulah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kalau ada pertandingan BN seorang, PAS seorang, DAP pun masuk juga, umpamanya. Jadi, DAP dia lantik seorang, PAS lantik seorang, Barisan Nasional seorang sahaja, jadi tigalah.

Tuan Loke Siew Fook: Parlimen dan DUN adalah lain calon, parti lainlah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya, kalau parti lainlah. Kalau parti lain. Satu parti seorang wakil. Kalau hendak diubah, cadanglah.

Tuan Haji Aris bin Awang: Tuan Pengerusi, kami masih lagi mencadangkan supaya setiap calon, seorang.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Makna, Parlimen dengan *state*, PAS letak dua orang calonlah.

Tuan Haji Aris bin Awang: Ya, ya dua orang.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Memang macam Barisan Nasional pun letak dua orang calon.

Tuan Haji Aris bin Awang: Ya, ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi, PAS hendakkan dua wakil.

Tuan Haji Aris bin Awang: Ya, ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Satu mewakili calon Parlimen...

Tuan Haji Aris bin Awang: Parlimen, satu mewakili calon DUN negeri.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: ...Satu mewakili calon DUN negeri.

Tuan Haji Aris bin Awang: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Oh! Banyak orang, semak dalam tempat itulah.

Tuan Haji Aris bin Awang: Yes, setakat ini tidak semak.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey, okey cadanganlah.

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Bermakna, kita kekalkan yang seksyen 15 itulah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya, ya okey. Jadi, *polling agent* pun serupalah ya..., *counting agent*, maaf.

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: *Counting agent*, maknanya. Ketiga...

Tuan Pengerusi: Kita telitikan nanti. Kita telitikan *practicality*.

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Ketiga, berkaitan dengan di tempat mengundi juga Tuan Pengerusi, iaitu dalam berkaitan dengan penggunaan peralatan IT. Apa yang kita praktikkan, dapat dimasukkan di dalam kertas cadangan ini. Apa yang kita praktikkan sekarang ini di dalam tempat mengundi apabila kerani tempat mengundi baca nombor kad pengenalan dan nama pemilih itu, kita— sekarang ini kita cadangkan supaya di tempat mengundi dibenarkan membawa *laptop* ataupun menggunakan peralatan IT, sesuai dengan zaman sekaranglah. Tidakkah kita hendak bawa *ruler*, buku, *pencil* apa. Jadi, tidak logiklah, supaya pada masa akan datang tidak berlaku percanggahan.

Tuan Pengerusi: Okey.

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Baik, yang lain nanti disambung oleh sahabat saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, kalau boleh.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya hendak balik kepada cadangan yang saudara Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim itu bawa.

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang minta supaya kita kekalkan yang aturan lama.

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Seksyen.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Iaitu kalau dua calon, satu *state*, satu Parlimen daripada satu parti.

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi, dibenarkan mereka itu melantik tiap-tiap seorang, satu wakil untuk *polling agent*...

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya fikir benda itu mungkin tidak begitu praktikallah sebab dia ramai, jadi akan jadi ramai. Akan tetapi, kalau untuk *counting* saya setuju. Sebab apa, *counting* kita ada dua kotak. Satu kotak Parlimen, satu kotak *state*. Akan tetapi peraturan sekarang mengatakan satu sahaja. Jadi, seorang *counting agent* itu dia akan melihat pengiraan undi bagi Parlimen dan selepas itu kita lihat pergi *state* pula. Macam mana pandangan Tuan Haji?

Tuan Haji Aris bin Awang: Tuan Pengerusi, kalau begitu kita perlu tengok pula wakil calon yang melantik *polling agent* dan wakil calon yang menyediakan penyata kewangan dan sebagainya ini. Jadi, dia berkait itu. Orang yang bertugas bagi pihak calon.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Apabila dia jadi *polling agent*, kalau ada dua orang *polling agent*, satu mewakili calon Parlimen.

Tuan Haji Aris bin Awang: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Satu mewakili calon *state*, duduk bersebelahan.

Tuan Haji Aris bin Awang: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Apabila dia seorang masuk mengundi, dia seorang sahaja mengundi.

Tuan Haji Aris bin Awang: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Orang yang mengundi itu dia akan mengundi untuk Parlimen dan untuk *state*. Jadi, dua-dua orang ini dia jalankan kerja yang sama. *Redundant*lah, dia tengok orang yang sama sahaja.

Itu yang saya katakan, jadi kalau banyak orang, dia ramai tetapi untuk *counting*, apabila hendak kira, kita buka ada dua tong. Satu tong *state*, satu tong Parlimen. Dia berbeza bukan. Jadi, apabila kita ada dua pemerhati, okeylah. Satu pemerhati kiraan *state*, satu pemerhati kiraan Parlimen.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan Loke Siew Fook: Berkenaan ini juga, saya mintalah SPR mungkin mengambil kira pertimbangan inilah. Sebab sekarang kalau tidak silap saya, tidak ada panduan mengatakan bahawa perkiraan itu sama ada serentak atau berasingan. Dia tengok budi bicara ketua tempat pengundi itu. Saya rasa perlu diletakkan syarat, perlu di kira secara berasingan. Ini kerana di dalam bilik darjah yang sama, kalau ketua tempat mengundi itu minta dikirakan bersama, hanya satu *counting agent*. Terdapat *counting agent* itu tengok dua-dua. Pada masa yang sama, dia kadang-kadang dia akan keliru juga. Sini DAP, sini BN, sini PKR, dia akan keliru, orang yang mendengar itu. Jadi, kalau boleh disyaratkan dalam peraturan itu, perkiraan itu perlu diasingkan, tidak boleh serentak.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi biasanya itu diasingkan.

Tuan Loke Siew Fook: Akan tetapi dia ada yang kalau kita pergi ke tempat mengundi itu, dia tidak diberikan syarat itu, dia buat pakai budi bicara dia. Dia kata hendak serentak.

Tuan Pengerusi: *I think we can* kita boleh *spell that out*lah.

Tuan Loke Siew Fook: *I think we need to stop*lah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ini yang saya maksudkan itu. Jadi, kalau Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim dan Tuan Haji Aris bin Awang hendak minta supaya bila ada pengiraan itu, dia ada dua wakil dia itu. Bermakna, satu mewakili calon negeri, satu mewakili calon Parlimen. Itu praktikallah dan seperti mana yang dibangkit oleh Yang Berhormat Rasah. Bermakna, kita boleh kira serentak pun tidak mengapa sebab dia ada wakil memerhatinya. Akan tetapi apabila hendak mengundi, tidak perlu kita ada dua orang sebab dia hendak memerhati pada orang yang sama, dua orang itu. Jadi, seorang pun cukuplah tetapi untuk *counting* itu, kalau kita ada dua, okey.

Ataupun seperti mana Yang Berhormat Rasah katakan tadi, SPR kena menentukan peraturan. Bermakna, pengiraan mesti mengira Parlimen dulu, selepas itu *state*. Akan tetapi itu akan mengambil masalah. Akan tetapi kalau serentak, okeylah, *better*lah.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Faham tidak yang saya...

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Ya, ya kita faham.

Tuan Haji Aris bin Awang: Kami masih mencadangkan...

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: *Polling agent* itu juga. Dikekalkan dua orang.

Tuan Haji Aris bin Awang: Dia lebih mudah kenal kadang-kadang.

Tuan Pengerusi: Jadi, satu Parlimen, satu DUN.

Tuan Haji Aris bin Awang: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Walaupun dia satu orang, bertanding dua kawasan, DUN dan Parlimen, mahu dua juga?

Tuan Haji Aris bin Awang: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Saya pernah bertanding dua kali, dua penggal, sekali gus DUN dan Parlimen. Dua-dua kali menang jugalah... *[Ketawa]*

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, tidak ada masalah kalau satu pun.

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Yang Berhormat Gombak pun serupa juga.

Tuan Pengerusi: Dia baru satu kali, saya sudah dua kali.

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, kalau kita tengok dari sudut ini, bukan kita bertelagah dari sudut sama ada dua, atau dua orang. Itu terpulang kepada parti, dia hendak susun dari sudut pelaksanaannya, dia hendak bubuh dua. Dia tidak ada orang, dia tidak bubuh orang langsung.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Bukan? Jadi, cuma kita hendak cadangkan supaya dikekalkan seksyen 15 ini, bermakna satu calon, seorang agen.

Tuan Pengerusi: Okey.

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Terpulanglah dia masuk seorang atau dua.

Tuan Pengerusi: Nanti kita bincang secara mendalam.

Kapt.(B) Zambri bin Ibrahim: Yang lain serah kepada sahabat saya untuk sambung.

Tuan Pengerusi: Encik Zulkifli bin Ismail ya.

Encik Zulkifli bin Ismail [PAS Kedah]: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey, lima minit boleh ya, perkara yang patut.

3.41 ptg.

Encik Zulkifli bin Ismail: *Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Selamat petang kepada Tuan Pengerusi. Jadi, lima minit untuk saya bercakap tetapi di atas kertas ada lampiran. Akan tetapi yang saya hendak bercakap adalah di perkara 9.3 - Semakan dan Bantahan, yang berlaku sekarang ini. *Insyah-Allah*, saya terlibat secara langsung dalam proses semakan dan bantahan di peringkat PAS Negeri Kedah.

Insyah-Allah pada 27 Disember ini, saya akan adakan perbincangan dengan anak mantan Perdana Menteri kerana bertukar alamat tinggal di pejabat ADUN pada pusat khidmat wakil rakyat di dalam DUN Jerlun.

Terima kasihlah kerana hendak balik mengundi di negeri Kedah dan hendak jaga negeri Kedah supaya aman, maju dan makmur sejahtera, *insyah-Allah*.

Jadi, yang saya hendak sebutnya di sini kepada pihak SPR dan kepada Tuan Pengerusi Penambahbaikan Perjalanan Pilihan Raya dan juga sebelum berlakunya pilihan raya iaitu tentang hari semakan iaitu tempoh masa yang diberikan kepada parti-parti politik ataupun orang perseorangan, individu dan juga mana-mana agensi kerajaan yang terlibat mendaftarkan orang kuat yang tertentulah dalam termasuk RELA, termasuk Jabatan Pertahanan Awam, termasuk Polis, termasuk tentera. Jadi, tempoh untuk semakan dan bantahan ini, tidak perlu dilanjutkan kepada 14 hari. Tujuh hari ini - sudah setuju? Sudah tidak mengapa. Setuju tidak mengapa, bagus, *alhamdulillah*. Ini yang saya hendak sangat ini. Sebab saya selalu berkelahi dengan kerani-kerani SPR inikan. Okey.

Tuan Pengerusi: Ya, tadi pagi ada cadangan untuk Pusat itu.

Encik Zulkifli bin Ismail: Maksudnya, dilaksanakan untuk semakan Januari yang akan datang. Terima kasih. Baik yang keduanya, saya hendak cakap...

Tuan Pengerusi: *Next* pameran, *next* pameran.

Encik Zulkifli bin Ismail: Senarai pemilih yang diragui. Baru-baru ini pihak SPR ada mempamerkan kepada kita tentang pengundi yang diragui. Ada pelbagai status. Satunya mungkin mati sebab tahun 60an ataupun 50an, maksudnya yang ini surat mati tidak ada.

Tuan Pengerusi: 50an itu masih kuat lagi itu Tuan Haji.

Encik Zulkifli bin Ismail: Ya, belum. Ya, ya. Yang mati, maksudnya yang tidak dikeluarkan. Pengundi ragu ini tidak dikeluarkan. Mungkin tidak di *report*, tidak ada kad *report* kematian dan sebagainya. Kemudian, keduanya pula yang diragui ini iaitu orang yang berumur, dia tidak memperbaharui kad pengenalan. Masih memegang kad pengenalan biru dan juga kad pengenalan. Okey, yang ini kita cuba memberi kerjasama kepada pihak SPR sebab di negeri Kedah dia ada pengundi yang diragui sebanyak 2,279 orang. Semua pengundi ini dapat saya kesan. Dapat dikesan sama ada dia hidup atau mati. Akan tetapi masalahnya dolak dalik, ini berlaku dengan SPR ini, saya hendak tegur, cuba perbaiki dengan SPR sekejap.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang 2,279 ini, berapa yang mati?

Encik Zulkifli bin Ismail: Yang mati ini lebih kurang 1,000 orang sahaja.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: 1,279 orang tidak mati?

Encik Zulkifli bin Ismail: Tidak mati.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Belum mati lagilah.

Tuan Pengerusi: *Or* akan dimatikan. Janganlah. [*Ketawa*]

Encik Zulkifli bin Ismail: Belum mati. [*Ketawa*] Akan tetapi SPR ragu tentang kematiannya

■ 1545

Tuan Pengerusi: Okey. Dia tidak percaya sudah mati.

Encik Zulkifli bin Ismail: Ya. Ini yang saya hendak sebutnya, bahawa bila kita tanya dia, maksudnya kita cuba beri maklumat tentang orang yang hidup, bukan untuk orang mati

Orang yang hidup ini bila kita kesan, rupanya orang tua. Kalau umur 80 tahun, dia boleh jadi Yang di-Pertuan Agong lagi. Tuanku baru angkat sumpah. Jadi, yang ini 82 tahun, duduk di kampung, dia tidak boleh pergi pejabat JPN. Dia tidak boleh pergi pejabat SPR. Biarkanlah. Biarkan mereka hendak mengundilah. Itu alasan yang diberikan. Kita cuba membantu SPR. Bila kita bawa salinan kad pengenalan yang lama, yang biru, kita jumpa pegawai SPR. Dia kata tidak boleh, ini kena orang itu sendiri datang ke pejabat JPN.

Tuan Pengerusi: Yes, yes.

Encik Zulkifli bin Ismail: Apa yang dia tidak buat kad pengenalan sebab mungkin dia duduk jauh. Dia hendak pergi jumpa SPR, dia duduk jauh. Jadi, dia biarkan, dia tidak mengundi. Peratus keluar mengundi turun. Betul atau tidak Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Encik Zulkifli bin Ismail: Alasan SPR inilah yang menyebabkan berlaku dolak-dalik, 1,031 yang saudara Kapten Zambri sebut tadi. Pernah saya buat bantahan di Putrajaya. Saya buat bantahan sebab kemasukan pameran ini bila kita tengok, siapa yang buat? Kami tidak buat Encik Zul. Yang buat itu, di atas. Maksudnya, di atas ini selalu salah agaknya? Jadi, saya hendak minta yang ini. Kita cuba membantu SPR. Kita cuba membantu SPR untuk buang pemilih yang diragui ini. Terimalah, apabila kita bawa kad pengenalan mengatakan bahawa orang ini masih hidup ataupun kita bawa permit kubur mengatakan bahawa orang ini mati, kita berilah kerjasama kita pada parti-parti politik. Takutnya hantu yang ada permit kubur ini bangkit balik. Hantu yang masalahnya sekarang.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Encik Zul, saya ingin hendak membantu Encik Zul dalam hal ini. Orang yang mati itu, kalau Encik Zul ada permit perkuburan dan seluruhnya, jangan jumpa SPR, jumpa JPN.

Encik Zulkifli bin Ismail: Jumpa JPN.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jabatan Pendaftaran Negara.

Encik Zulkifli bin Ismail: Bagi yang hidup?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Nanti sekejap... *[Ketawa]* Kita kira yang meninggal ini dahulu. Saya suka ini kalau orang hendak membantu. Saya pun suka. Kadang-kadang saya pun membantu juga SPR. Sebab SPR...

Encik Zulkifli bin Ismail: Bantu tambah pengundilah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Tidak ada, tidak ada. SPR ini dia hendak buang seorang itu, nama yang ada senarai sebagai pengundi, susah, melainkan ada bukti yang kukuh. Ia selalunya berpandukan pada laporan daripada JPN. Jadi, JPN adalah satu jabatan yang mendaftar orang yang dilahirkan dan orang yang mati. Dia punya tugas itu.

Encik Zulkifli bin Ismail: Ada satu lagi pertambahan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Nanti sekejap. Bila dia mati, kita laporkan pada JPN. JPN dia ada dia punya *line* terus kepada SPR. Laporan hari ini, dia terus esok, dia panggil *A list*, dia *shoot* masuk pergi SPR.

Encik Zulkifli bin Ismail: Itu sudah faham itu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Baru SPR tahu, barulah dia buang.

Encik Zulkifli bin Ismail: Itu saya sudah faham itu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Boleh tidak?

Encik Zulkifli bin Ismail: Sistem *A list*. Itu boleh. Saya sudah faham sudah yang itu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Boleh kita lapor kepada JPN, yang kematian itu.

Encik Zulkifli bin Ismail: Yang hidup?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Hah, yang hidup ini saya hendak minta SPR bagi tahu, penjelasan apa yang dia hendak buat. Okey, Encik Zul tunggu sekejap.

Encik Zulkifli bin Ismail: Ya, boleh.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Minta SPR. Sila.

Tuan Pengerusi: Ya, sila Dato' Haji Noordin, SPR.

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Tuan Pengerusi. Sebagaimana yang mati begitu juga yang hidup, banyak kes-kes berlaku. Ada yang dikatakan mati, rupanya hidup. Jadi, matikah, hidupkah, satu-satunya jabatan di Malaysia adalah Jabatan Pendaftaran Negara. Sebagaimana yang disebutkan oleh Dato' Seri Mohd. Radzi tadi, kita tidak akan memotong selagi JPN kata dia hidup. Bila JPN kata dia hidup, kita akan masukkan walaupun sebelum itu dikatakan mati.

Jadi, saya harap Tuan Haji faham.

Encik Zulkifli bin Ismail: Belum haji lagi, belum haji lagi.

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Hidup ataupun mati itu, JPN yang menentukan, Jabatan Pendaftaran Negara. Sebab bila orang hendak mendaftar seseorang dengan SPR, saya *automatically*, kita di SPR terus *link* dengan JPN. Maknanya, kalau rekod di situ mengatakan bahawa orang ini telah meninggal, kita tidak akan mendaftar. Kalau macam kes yang Tuan Haji sebut tadi Tuan Pengerusi, manakala didapati hidup, rujuk balik JPN. Apabila JPN mengesahkan dia hidup, maka SPR tidak ada masalah untuk memasuki ataupun mengambil balik, masukkan semula nama itu.

Tuan Pengerusi: Tuan Haji Zul, pihak Jawatankuasa ini akan meneliti prosedur-prosedur yang ada ini bagaimana lagi hendak memperjelaskan dan menyenangkan urusan dalam perkara ini. Kadang-kadang barangkali di peringkat pejabat tidak begitu jelas. Banyak tendang bolakah begitu.

Encik Zulkifli bin Ismail: Hah, bola-bola.

Tuan Pengerusi: Kita hendak bola yang tendang satu kali masuk terus begitu. So, nanti kita akan bincang ini dalam Jawatankuasa Kecil Daftar Pemilih. *Thank You*. Ada lagi terakhir?

Tuan Mohamed Azmin Ali: Tuan Pengerusi, kalau saya boleh tambah sedikit. Saya juga dapat aduan, sebelum ini kita boleh buat semakan *online* dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Semakan MyKad ini. Akan tetapi dalam beberapa bulan kebelakangan ini apabila isu ini agak panas, tiba-tiba sekarang ini sistem *online* itu tidak boleh disemak lagi. Boleh JPN beritahu kenapa perkara ini berlaku, semakan MyKad *online* ini.

Tuan Pengerusi: Okey, boleh JPN, jika boleh menjawab itu sekarang.

Dato' Jariah binti Mohd. Said [Ketua Pengarah, Jabatan Pendaftaran Negara]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat-Yang Berhormat. Sebenarnya semakan status kad pengenalan ini adalah untuk tujuan menyemak status kad pengenalan, permohonan. Maknanya, bila orang itu memohon kad pengenalan, dia sahaja untuk tujuan semakan status dia.

Tuan Pengerusi: Permohonan?

Dato' Jariah binti Mohd. Said: Status permohonan.

Tuan Pengerusi: Bukan yang sudah di dalam daftar.

Dato' Jariah binti Mohd. Said: Bukan yang dalam daftar.

Tuan Pengerusi: So, dianggap sulit.

Dato' Jariah binti Mohd. Said: Ya.

Tuan Pengerusi: *National security*. Kira permohonan boleh?

Dato' Jariah binti Mohd. Said: Permohonan sahaja.

Tuan Pengerusi: Okey, Tuan Haji. Ada lagi? Kalau tidak ada, setakat itu banyak isi-isi yang telah pun disampaikan pada kita dan kita akan telitikan, khususnya dari segi prosedur dan bagaimana memperjelaskan lagi. Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kalau ada yang hendak ditambah, hubungi kami bila-bila masa, *no problem*. Kita akan...

Tuan Haji Aris bin Awang: Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kangar sebelah sahaja dengan Kedah.

Tuan Haji Aris bin Awang: Sebelah sahaja Perlis. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

Tuan Pengerusi: Ya, terima kasih. Tadi saya puji sebab saya hendak tuan haji datang lagi di masa akan datang. Okey, terima kasih.

[Wakil-wakil daripada PAS Kedah meninggalkan bilik Mesyuarat]

3.53 ptg.

[Wakil-wakil individu mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Sebelum saya hendak panggil pihak SPR sebab sudah pun menunggu, akan tetapi ini dua orang peribadi, individu. Saya difahamkan Mr. Lim Hong Hai-tadi sebahagian daripada barangkali kumpulan Aliran akan tetapi ingin memberi tambahan. Saudara Utam Singh.

Saya hendak sekali gus, dua orang ini untuk dua peribadi dan beri masa lima minit untuk satu orang. Kedua-dua. Ini kerana yang dua orang terakhir bagi hari ini. Selepas itu nanti Majlis Mesyuarat tertutup bersama dengan SPR. *So, who would like to go in first?* Mr. Utam Singh or Mr. Lim. Okey, *former* cikgu saya difahamkan ya? Sila.

Encik Utam Singh: Utam Singh. Selamat tengah hari dan selamat sejahtera Tuan Pengerusi dan ahli-ahli panel. Saya ialah Utam Singh.

Tuan Pengerusi: Oh, Utama Singh?

Encik Utam Singh: Utam, *just* Utam.

Tuan Pengerusi: Utama pun boleh juga?

Encik Utam Singh: Ya, ya, ya. *Just Utam only.* Terima kasih. Terlebih dahulu saya hendak minta izin Tuan Pengerusi, kalau dibenarkan saya teruskan dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Encik Utam Singh: *Thank you. Mr. Chairman I have a very short suggestion here. It just touches on two topics mainly. It is time to have two categories for voter registration. Now we have just one. Those who are above 21, they are eligible. Once they are Malaysians. But, my suggestion here is that, we need to have two categories for voter registration:*

- (i) automatic registration, which we have been talking about. The automatic registration, this is I suggest. This shall be applicable for bona fide Malaysian born citizens only;*
- (ii) all those who renew their MyKad upon reaching the age of 18 shall be eligible for automatic registration;*
- (iii) registration shall be done by the NRD upon issuance of the new MyKad;*
- (iv) preferably, the voters registration details should be incorporated in the new MyKad chip; and*
- (v) subsequently, the owners shall be strictly, on the registered voter to update any change of address from time to time.*

The second one Mr. Chairman Sir, the normal registration that we practice now. All the other Malaysian citizens who are 21 years and above, but are not eligible for automatic registration as mentioned above, shall have to follow the present registration process. Second...

Tuan Pengerusi: *What do you mean by that, 21 years, but not eligible?*

Encik Utam Singh: *Pardon? 2.1. All the other Malaysian citizens...*

Tuan Pengerusi: *Then go for...*

Encik Utam Singh: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *...Automatic.*

Encik Utam Singh: *They are those who are not eligible. Maybe they are foreigners, who have been neutralized. Now they are Malaysian citizens or whatever reasons, those who were not eligible for the automatic registration as I suggested. So, they shall have to follow the present registration process. No changes.*

Then, secondly for them, for the purpose of easier verification, the names of these voters, who are the normally registered, above 21 years, are to be printed in a different colour from the automatically registered voters. Just as appendix at the back Mr. Chairman Sir. I have a list of voting ages around the world. I have gone through 227 countries, just to see the voting age. From the 227, those countries that have voting age at 16 - 7 countries, voting age at 17 years - 7 countries, voting age at 18 years – 192 countries or it was about 85% of my analysis - voting age at 19 years - 2 countries; voting age at 20 years - 4 countries. Voting age at 21, that includes Malaysia, 15 countries. So, it's about 6.6%.

Tuan Pengerusi: *So, only 15 of us in the world, voting at 21 years.*

Encik Utam Singh: *Ada 15 countries, according to my analysis. Only 15 countries are remaining. That includes our beautiful country Malaysia. Strangely, Malaysia starts with 'M' and I look at the countries that start with 'M'. There were 23 countries that start with 'M'. From the 23 countries starting with the alphabet 'M', all have voting age at 18 years...*

Tuan Pengerusi: *Except us.*

Encik Utam Singh: *...except Malaysia. Thank you.*

Tuan Pengerusi: *You are very teliti Penolong Kanan.*

Encik Utam Singh: *Thank you Mr. Chairman...*

Tuan Pengerusi: *Thank you very much. Very observant..., no questions? Okay, thank you very much. I think we can call you Utama Singh...*

Encik Utam Singh: *Okay!*

Tuan Pengerusi: *...Because you are very mengutamakan semua, the fine details.*

Encik Utam Singh: *No problem.*

Tuan Pengerusi: *I appreciate it. This is a very important table that you produce. Thank you very much, for our reflection. Okay, Mr. Lim. We will start with five minutes, as you go.*

Encik Lim Hong Hai: *Five minutes.*

Tuan Pengerusi: *Yes sir, you understand you are going to add on to what have been given. We start with five minutes, see how you go.*

3.58 ptg.

Encik Lim Hong Hai: *Thank you very much. Can I proceed in English?*

Tuan Pengerusi: Yes Sir. Sila.

Encik Lim Hong Hai: Let me state three general conditions for a fair election.

- (i) It is a franchise where the rules for qualifications are fair and whether the electoral rules are fair;
- (ii) Contest for votes. They covers campaigning, which I think most people, including the teams earlier, talked about;
- (iii) Is less well known? This concerns how votes are translated into seats.

That too much is fair for a very strong reason. Which is just obvious, one stated. Elections after all are not about are votes per se ultimately, they are about seats. So, how votes are translated into seats is the main point of the matter. It's crucial. So, this one, I want to talk about. This translation of voting into seats, it depends a lot on the electoral system. In our system, the first past the post system, it is inherently non proportional. It always awards, more than proportional share of seats to the largest parties the most votes but, as far as I know and I have spent about 10 years studying the Malaysian electoral system. There is no strong complaint against the first past the post system in itself. I would add two more reasons more positive reasons for keeping the system, rather than go for the system of PR or proportionate representation.

■ 1600

By giving more seats to the main party, our system and the largest majority in Parliament of the governing party and thus make for a very strong and stable government. Of course coalition occurs as the last election was distributed. But I like it where as a PR system would speak with fact and need Malaysian I think generally stable, strong and safe government. That is one reason. Another reason is candidate when they compete at individual constituency, in our system, simple majority will win. They have to appeal across ethnic groups. There is seldom, can they really say it, "I can be saved if you rely on one group to win" especially against competitor of the same group. So, they have to make cross ethnic appeals. I think this moderate makes the candidate more moderate in ethnic term. I think this is something which I think most Malaysian would including myself, of course would consider desirable.

Tuan Pengerusi: So, first-past-the-post..., are you?

Encik Lim Hong Hai: They past-the-post. So they have poll votes from various ethnic groups and that I think encourage moderation. That is my second reason for keeping this system rather than going for PR. So, if the first-past-the-post system is not the problem, the question is, what is? My short answer is the way electoral constituencies have been delineated.

Please take to my third section which I should not talk much about basically, say that of the times constrain. The two main sources, two main reasons, one is mal-apportionment, the other one is gerrymandering. I speak this thing here you may refer to the presentation in Sabah by Mr Ng. Chak Ngoon, I think, where this graph is wonderfully graph and using color.

That is a huge disparity among the sizes. Sizes here refer to the total the electoral of each constituency. Huge disparity there and most of the media call that gerrymandering. But that is not gerrymandering, that are mal-apportionment. Gerrymandering is something quite disgusting and even happen in the absent of mal-apportionment. I will explain that. So I think this time I skip that. So my argument is that mal-apportionment and gerrymandering especially mal-apportionment. It is very serious called of unfairness even used by the top in the way our electoral constituency have drawn in such far.

So let me go on to my last section. How then do we solve the problem? Actually I have five proposals....

Tuan Pengerusi: *Okay. Just summarize.*

Encik Lim Hong Hai: *The first one is to restore to the EC (Election Commission) the power to distribute or to apportion the total number of Parliamentary constituencies among the various states. This power was taken away from the EC by constitutional amendment in 1973. Since then, the total number of Parliamentary constituencies as well as its apportionment among states has been specified in the Federal Constitution, i.e. Act. 46 - on the composition of the House. Now, that mean only the party with the total majority can change those numbers which post the past was to the act no longer the armed forces after the 2008. So, that issue can be kind of the player football, and various totals are undesirable. I think the portion among states should be left to the EC. But of course EC needs other conditions which I talk about.*

The second proposal is to require the apportionment of Parliamentary constituencies among states to be proportional to electorate. The third proposal is to restore clear constitutional limits of rural weightage or while called weightage for area which in favor of rural areas. These limits would apply to and thus serve to limit mal-apportionment in the delineation of both Parliamentary and state constituencies within each state. Then I give some background how it is come about this but skipping that, let me say that they must know their limits. Now there is no clear limits from the Commission 1957 to the Amendment 1962, the limits were relaxed, totally doubt. Now if we refer to the Constitution, the 13 schedule paragraph 2, item 2 paragraphs C, you only see a measures weightage. No specification at all and this with that become very big, no limits, the EC seen of our first official delineation in 1994 have been applied this very liberally across the box.

The rural weightage is a part, liberally which is why you see the rather sharp graph presented in Sabah huge one of course is in individual. So the value of the vote is unequal. It is of much value in smaller constituency and much lower in bigger constituency - many and fair for voters. This is unfair to parties and this is very extreme and systematic as a graph in Sabah showed. The BN tends to win all the smaller seats eventually and the bigger seats all rates, but not run of the budget opposition. So systematically unfair and I say systematically since our Merdeka to favor the governing party.

Our respond, resolution, I think since then the rational reason justification for rural weightage is because of the communication of little voters and other, disadvantages in rural area. Since then one has to, supposed that the communication facilities and other disadvantages must have been reduce right and yet, the disparity had increased in other graph. That itself, I say it is strong cases which show that actual rural weightage by the Election Commission has been controlled.

Tuan Pengerusi: *Okey. We got your opinion. You like to mind-up?*

Encik Lim Hong Hai: *So I would – I would responds to the 15% above or below the average and sending more for Sabah and Sarawak which is limits that were enforced when they joint Malaysia or they form Malaysia, right. I would respond those limits.*

Fourth proposal is to sending an independent of the EC.

Tuan Pengerusi: *Okey, before this one...*

Encik Lim Hong Hai: *I think one general matter will be we do what we have done in 2008 for their appointment of judges for example, the committee, so on. That I think is equally needed and useful. The other one is EC, is present constitutional powers to actually appoint his Senior Administrative Officer rather than relying completely. The secretary of the EC, his annual performance report and so on is actually note down by his Chairman but, up the hierarchy of civil services. His evaluation report actually done by the...*

Tuan Pengerusi: *Okey. We are looking into the independents issue.*

Encik Lim Hong Hai: *The fifth proposal is to improve the procedure for secure parliamentary approval. Since 1962, the EC only recommends to the PM and the PM has the power to make changes before even tabling to Parliament. After tabling to Parliament for approval by only simple majority to secure the approval, a PM with or without consulting the EC can make changes. I think this part...*

Tuan Pengerusi: *That part may not be – Is not quite you know because every final recommendation will come to SURUHANJAYA PILIHANRaya, full Lembaga you know.*

Encik Lim Hong Hai: *You need to read you the constitution?*

Tuan Pengerusi: *No, that is not what the Prime Minister does, not have the full veto and by-pass the SPR...*

Encik Lim Hong Hai: *No! It has to be approved by Parliament.*

Tuan Pengerusi: *Yes.*

Encik Lim Hong Hai: *But before tabling in Parliament, the constitution allows the PM to make whatever changes...*

Tuan Pengerusi: *To give the input here.*

Encik Lim Hong Hai: *That I think securely does not inspire confident that electoral committee have been fairly drawn or would be fairly drawn in the future.*

Tuan Pengerusi: *We can look into the...*

Encik Lim Hong Hai: *I hope you look into it.*

Tuan Pengerusi: Ya.

Encik Lim Hong Hai: *Second specific point is the simple majority. The simple majority basically means that it can be approve by the rulling party. I would suggest you make the standard stronger for final approval. One way is to say require 2/3 majority, not simple. That is still required concurrent majorities. Now, it must be approved by the majority on both sides, by government side and by the opposition side. That is why I mean concurrent majorities.*

Thirdly, if changes have been made to get the approval of Parliament, the changes should be left to the EC make independent. That of course after receiving and considering the MPs views. These are the main way. Sorry, I think there is no mystery about this thing. What we let known is simply the way. Thank you very much.

Tuan Pengerusi: *Thank you very much Mr. Lim, these are good points for our reflection in this particular field, the respective subcommittee will look into this detail. There are concern of the ways that been express a lots of people and I am willing to meneliti. Okay and the others. Thank you very much Mr. Lim.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: *But I would like to call the meeting to close this discussion with the SPR. So, all observers kindly leave the room. Thank you for your interest and your inputs. I will see you again tomorrow on 9.30 am for those who are observing.*

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.15 petang.